



unicef 
for every child

Kanak- kanak Pinggiran

Satu kaji selidik mengenai kemiskinan dan penafian hak kanak-kanak bandar di flat kos rendah di Kuala Lumpur

Diterbitkan oleh United Nations Childrens' Fund, Malaysia.
© UNICEF Malaysia 2018. Semua hak cipta terpelihara.
Terbitan pertama Februari 2018.

United Nations Childrens' Fund
Menara PJH
Level 10, No. 2
Jalan Tun Abdul Razak
Precinct 2, 62100
Putrajaya, Malaysia

www.unicef.org/malaysia

Penyiaran mana-mana bahagian di dalam penerbitan ini adalah dibenarkan dengan syarat menyatakan sumbernya, tetapi tidak boleh digunakan untuk tujuan komersial tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu.

Pendapat yang diutarakan di dalam penerbitan ini adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili United Nations (Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu), termasuk UNICEF, negara-negara anggota UN atau kerajaan Malaysia.

Gambar kulit depan "Adik Lelaki" oleh Ika (15 tahun).

Kanak- kanak Pinggiran

Satu kaji selidik mengenai kemiskinan dan penafian hak kanak-kanak bandar di flat kos rendah di Kuala Lumpur



Penghargaan

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada 15 kanak-kanak hebat yang menyertai Bengkel Fotografi Belia bagi projek kaji selidik ini. Hampir semua gambar di dalam buku laporan ini adalah hasil rakaman mereka – Ika (15 tahun), Muhammad Amerol Afiq Mohd Dzon Akhirom (16), Nur Atikah Mohd Shaidi (17), Badrul Amin (16), Kimi (16), Muhammad Haiqal Mohd Hazrari (15), Kisshen Raj R Muthiah (15), Hanisah (16), Erin (16), Nurin Jazlina Mat Ropi (17), Raja Shah Ikmal Raja Remi (17), Falah Syukran Adenan (17), Muhamad Adam Fitri Azrul Azlam (17), Puteri Nur Syuhada Abdul Rahman (17) dan Syahirah (17).

Kaji selidik ini mendapat manfaat besar daripada kepakaran dan kepintaran Profesor Tan Sri Dr Kamal Salih, Datuk Akhbar Ali, Profesor Dr Selamah Yusoff, Dr Mohd Ikmal Mohd Said, Dr Shaufique Fahmi Sidiqie dan Dr Ahmad Zaid Fattah Azman. Kami berterima kasih kepada peserta perbincangan meja bulat mengenai “Kemiskinan Kanak-kanak Bandar” atas buah fikiran dan cadangan bernas mereka, khususnya wakil daripada Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu, Tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Bank Dunia, Bank Negara Malaysia, Institut Strategi dan Kaji Selidik Antarabangsa, Kementerian Kesihatan, Yayasan Hasanah, Pusat Kaji Selidik Kemiskinan dan Pembangunan Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Teach For The Needs, Syed Azmi Al Habshi, Pusat Zakat WP Kuala Lumpur, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Institut Kesihatan Umum, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan dan Unit Perancangan Ekonomi. Perbincangan Meja Bulat yang dianjurkan oleh UNICEF Malaysia, DM Analytics dan ISIS Malaysia itu telah diadakan pada 17 Januari 2018 di Kuala Lumpur.

Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada pelbagai pihak yang bekerjasama dengan kami dalam menjayakan projek ini, terutama Datuk A Kadir Jasin, Zainal Alam Kadir, Haresh Deol, Pearl Lee; Vignesh Balasingam, Ryan Moon dan Mark Joshua Morriss daripada OBSCURA Festival of Photography; Mereka Makerspace, Yayasan Axiata, Yayasan Khazanah, Chua Choon Hwa dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Galeri Ilham dan Zaini Zainuddin.

Ucapan terima kasih yang istimewa kepada kumpulan pembanci yang diketuai oleh Dr Mohd Yusof Sa'ari, Umi Zakiah dan pasukannya dari Universiti Putra Malaysia serta para pelatih kami – Wan Abdul Rahman, Shazrul Ariff Suhaimi, Mikhail Rosli, Sharifah Sarah Syed Abdul Rahman dan Nuriyana Nadhirah Nor Izham.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua responden.

Laporan ini ditulis oleh Dr Muhammad Abdul Khalid, Zouhair Rosli, Siti Nur Fatimahtul Maryam Abdul Halim dan Endie Shazlie Akbar. Kami bertanggung jawab atas sebarang kesilapan dan kekurangan di dalam laporan ini.

Isi kandungan

Kandungan		Muka surat
Ringkasan		9
Pengenalan		11
Kaji Selidik Kemiskinan dan Penafian Hak Kanak-kanak Bandar UNICEF		14
	Ciri-ciri utama	16
	Pendapatan, bantuan dan simpanan	22
	Taraf hidup	27
	Pendidikan dan pemakanan	32
	Kemiskinan dan penafian hak	40
	Kekurangan zat makanan	48
Cadangan dasar		59
Laporan program		63
Lampiran dan rujukan		70

Senarai carta

		Muka surat			Muka surat
1.1	KNDK rakyat Malaysia, 1970-2016 (RM juta)	12	5.8	Halangan untuk menyediakan hidangan sihat kepada kanak-kanak (%)	37
1.2	Kadar kemiskinan di Malaysia, 1970-2016	12	5.9	Keupayaan untuk membeli makanan dan kekerapan (%)	37
2.1	Kawasan responden di Kuala Lumpur	15	6.1	Kemiskinan mutlak, mengikut profil pendapatan (%)	43
2.2	Ketua isi rumah, mengikut pencapaian pendidikan (%)	18	6.2	Perbandingan kemiskinan, mengikut profil pendapatan (%)	43
2.3	Ketua isi rumah, mengikut status pekerjaan dan kumpulan pekerjaan (%)	18	6.3	Pendapatan isi rumah per kapita (RM)	43
2.4	Ketua isi rumah, mengikut sektor pekerjaan dan jenis pekerjaan (%)	18	6.4	Peratus kanak-kanak, mengikut profil pendapatan isi rumah (%)	44
2.5	Jaringan keselamatan sosial, mengikut jenis liputan (%)	19	6.5	Kemiskinan kanak-kanak, istilah mutlak dan perbandingan (%)	44
2.6	Purata jam bekerja (seminggu) dan bayaran upah sejam (RM) bagi pekerja	19	7.1	Gambarajah kanak-kanak yang mengalami kekurangan zat makanan	49
3.1	Pengagihan isi rumah, mengikut kumpulan pendapatan (%)	23	7.2	Tahap peratusan kanak-kanak terbantut, mengikut negeri, 2016 (%)	49
3.2	Peratus pendapatan isi rumah, mengikut kaum (%)	23	7.3	Peratusan kanak-kanak berusia bawah 5 tahun yang mengalami kekurangan zat makanan di antara Malaysia, KL dan rumah pangsa (sampel) (%)	51
3.3	Peratus bantuan yang diterima oleh isi rumah, mengikut jenis bantuan (%)	24	7.4	Perbandingan berat dan umur di kalangan kanak-kanak berusia bawah 5 tahun (%)	52
3.4	Peratus ketua isi rumah menerima BR1M, mengikut kumpulan pendapatan (%)	24	7.5	Perbandingan ketinggian dan umur di kalangan kanak-kanak berusia bawah 5 tahun (%)	52
3.5	Pengagihan isi rumah, mengikut jumlah keseluruhan simpanan (%)	24	7.6	Perbandingan berat dan ketinggian di kalangan kanak-kanak berusia bawah 5 tahun (%)	52
4.1	Tanggapan penduduk terhadap kebersihan awam dan keberkesanan sistem saliran (%)	28	7.7	Perbandingan ketinggian dan umur di kalangan kanak-kanak berusia 2 dan 4 tahun (%)	53
4.2	Hubungan dengan kaum lain dan jiran, mengikut status (%)	29	7.8	Perbandingan berat dan umur di kalangan kanak-kanak berusia 2 dan 4 tahun (%)	53
4.3	Masa yang dihabiskan oleh kanak-kanak bersama ibu dan bapa (%)	29	7.9	Perbandingan berat dan ketinggian di kalangan kanak-kanak berusia 2 dan 4 tahun (%)	54
4.4	Keselamatan kejurangan bagi kanak-kanak, mengikut waktu (%)	30	7.10	Peratus kekurangan zat makanan, mengikut kaum (%)	54
4.5	Pemerhatian terhadap pelajar di kawasan perumahan terlibat dan pembabitan kanak-kanak isi rumah, mengikut masalah sosial (%)	30			
5.1	Peratus kanak-kanak tidak bersekolah, mengikut kumpulan umur (%)	33			
5.2	Purata bilangan alat permainan bagi kanak-kanak berusia bawah 5 tahun dan bilangan buku bagi kanak-kanak setiap isi rumah (%)	33			
5.3	Purata bilangan buku bagi kanak-kanak, mengikut pencapaian pendidikan ibu bapa (%)	34			
5.4	Ruang belajar bagi kanak-kanak (%)	34			
5.5	Pencapaian akademik bagi kanak-kanak di sekolah, mengikut ibu bapa (%)	35			
5.6	Pecahan perolehan gred, mengikut mata pelajaran PMR – Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris (%)	35			
5.7	Purata bilangan hidangan yang diambil setbgi kanak-kanak berusia 5-17 tahun (%)	36			

Senarai rajah

		Muka surat
3.1	Pendapatan median dan purata sebulan, mengikut kaum (RM)	23
7.1	Peratusan kanak-kanak kurus kering, terbantut, kurang berat badan dan berat badan berlebihan di kalangan kanak-kanak berusia bawah 5 tahun, dan obes di kalangan kanak-kanak dan remaja berusia 5-19 tahun di Malaysia dan wilayah Asia Tenggara	50
7.2	Perangkaan kekurangan zat makanan bagi kanak-kanak berusia bawah 5 tahun dan wanita mengandung berusia 15-49, 2006 dan 2016 (%)	51
7.3	Penentu utama kekurangan zat makanan di kalangan kanak-kanak, mengikut WHO	56

		Muka surat
8.1	Campur tangan kerajaan semasa untuk menangani masalah kemiskinan kanak-kanak di Malaysia	60
8.2	Cadangan dasar untuk mengatasi masalah kemiskinan dan penafian hak di kalangan kanak-kanak	61
9.1	Senarai cadangan daripada kumpulan yang mengambil bahagian dalam cabaran Policython	67
9.2	Ringkasan daripada pertandingan Anugerah Penyelidikan Pelajar	69
10.1	Gambaran perangkaan	72

Senarai singkatan nama

Akronim	
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations (Persatuan Negara-negara Asia Tenggara)
B40	Bottom 40 income group (Kumpulan berpendapatan bawah 40)
BR1M	Bantuan Rakyat 1Malaysia
CSO	Community services organisations (Pertubuhan perkhidmatan masyarakat)
DOS	Department of Statistics, Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia)
EIU	Economist Intelligence Unit (Unit Perisikan Ekonomi)
EPU	Economic Planning Unit (Unit Perancangan Ekonomi)
F&B	Food and beverages (Makanan dan minuman)
HHI	Household income (Pendapatan isi rumah)
Inter HH	Inter-household (Antara isi rumah)
HoH	Head of household (Ketua isi rumah)
IPH	Institute of Public Health (Institut Kesihatan Umum)
ISIS	Institute of Strategic and International Studies (Institut Kaji Selidik Antarabangsa dan Strategi)
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KL	Kuala Lumpur
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
M40	Middle 40 income group (Kumpulan berpendapatan pertengahan 40)
MOE	Ministry of Education (Kementerian Pendidikan)
MOH	Ministry of Health (Kementerian Kesihatan)
N/A	Not available (Tidak diperolehi)

Akronim	
NGO	Non-government organisation (Pertubuhan bukan kerajaan)
NSTP	New Straits Times Press
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PLI	Poverty Line Income (Pendapatan Garis Kemiskinan)
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPR	Program Perumahan Rakyat (People's Housing Programme)
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga (Form 3 Assessment)
RM	Ringgit Malaysia
STEM	Science, technology, engineering and mathematics (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik)
UIA	Universiti Islam Antarabangsa (International Islamic University, Malaysia)
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNDP	United Nations Development Programme (Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu)
UNICEF	United Nations Children's Fund (Tabung Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu)
UPM	Universiti Putra Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UVG	Urban Vulnerable Group (Kumpulan mudah terdedah kepada kemiskinan bandar)
WB	World Bank (Bank Dunia)
WHO	World Health Organization (Pertubuhan Kesihatan Sedunia)

Ringkasan

Walaupun Malaysia telah berjaya menaikkan taraf kehidupan warganya, masih ada ruang yang memerlukan perhatian segera terutama berkaitan kesejahteraan kanak-kanak. Negara ini mengalami masalah berlebihan dan kekurangan zat makanan secara beriringan dengan sesetengah kanak-kanak menderita kekurangan zat makanan manakala sesetengah yang lain mengalami gemuk keterlaluan atau obes. Bahkan, masalah pertumbuhan yang terbantut di kalangan kanak-kanak di negara ini didapati meningkat walaupun di peringkat global bilangannya menurun, hatta jika dibandingkan dengan negara yang mempunyai tahap pendapatan per kapita sama. Kanak-kanak di Malaysia juga adalah antara yang paling gemuk di rantau ini.

Berdasarkan sampel miskin bandar yang dijalankan di flat kos rendah di Kuala Lumpur, hasil kaji selidik ini mendedahkan penemuan berkaitan kemiskinan kanak-kanak dalam pelbagai dimensi, terutama mengenai kekurangan zat makanan yang perlu diambil perhatian. Kaji selidik ini menunjukkan wujudnya satu krisis di peringkat kebangsaan yang mempunyai kesan jangka pendek dan panjang ke atas kesejahteraan masa depan dan produktiviti ekonomi menjelang Malaysia mencapai status negara maju pada tahun 2020 dan seterusnya. Walaupun kadar kemiskinan negara adalah kurang daripada satu peratus, malah di Kuala Lumpur ia hampir berjaya dihapuskan, malangnya ia tidak mencerminkan keadaan sebenar yang diperolehi daripada hasil kaji selidik. Kuala Lumpur mempunyai pendapatan per kapita setaraf negara maju tetapi kanak-kanak yang tinggal di flat kos rendah tidak mencapai tahap itu. Kaji selidik ini mendapati kira-kira 22 peratus kanak-kanak bawah umur 5 tahun mengalami pertumbuhan yang terbantut, 15 peratus mengalami kurang berat badan dan 23 peratus sama ada mengalami berat badan berlebihan ataupun obes. Mereka tidak mempunyai ruang belajar yang kondusif dan keadaan persekitaran tidak selamat. Selain itu, walaupun hampir semua kanak-kanak berusia 7-17 tahun bersekolah tetapi hanya seorang daripada dua orang kanak-kanak berusia 5-6 tahun yang dihantar ke pra-sekolah. Dengan pelarasan saiz isi rumah, kadar perbandingan kemiskinan kanak-kanak ini hampir seratus peratus.

Adalah diharapkan hasil kaji selidik ini akan dapat memberi sinar baharu kepada kehidupan kanak-kanak miskin di bandar yang hidup terpinggir. Hasil kaji selidik ini sepatutnya memberi tumpuan kepada campur tangan terhadap dasar sedia ada untuk memastikan kanak-kanak miskin bandar turut terlibat dalam peluang yang banyak di bandar. Analisa ke atas faktor yang menyumbang kepada kekurangan zat makanan di kalangan kanak-kanak berusia bawah 5 tahun menekankan betapa pentingnya pemakanan dan pendidikan pra-sekolah. Peningkatan penyakit anemia di kalangan wanita mengandung juga menunjukkan perlunya isi rumah bandar diberi kesedaran mengenai kepentingan pemakanan memandangkan ia memberi kesan kepada bayi yang dilahirkan.

Melangkah ke hadapan, salah satu cara optimum untuk memastikan kanak-kanak di Malaysia mempunyai permulaan sama rata adalah dengan menyediakan jaminan keselamatan sosial untuk semua. Beberapa tahun kebelakangan ini, sistem keselamatan sosial muncul sebagai tumpuan baharu yang utama dalam usaha untuk mengurangkan kemiskinan di seluruh dunia. Menerusi bantuan pendapatan dan program yang direka untuk memudahkan lagi capaian kepada perkhidmatan (seperti kesihatan, pendidikan dan pemakanan), keselamatan sosial membantu menyedarkan hak asasi kanak-kanak dan keluarga. Strategi keselamatan sosial juga adalah elemen penting dalam keberkesanan dasar yang bertindak terhadap keadaan ekonomi yang buruk. Ia bukan sahaja menangani kelemahan yang disebabkan oleh keadaan semasa tetapi juga meningkatkan persiapan menghadapi masa depan yang tidak menentu. Sistem keselamatan sosial yang peka kanak-kanak mengurangkan kesan kemiskinan keluarga, mengukuhkan peranan keluarga dalam penjagaan kanak-kanak dan meningkatkan capaian kepada perkhidmatan asas untuk golongan miskin dan terpinggir. Memandangkan banyak kanak-kanak yang berisiko tinggal di pusat asuhan, sistem keselamatan sosial yang peka kanak-kanak mesti prihatin terhadap golongan lemah ini, termasuk juga kanak-kanak yang mengalami penderaan dan diskriminasi keluarga.

Cadangan munasabah bagi mengatasi masalah kemiskinan kanak-kanak bandar yang terhasil daripada kaji selidik ini dan untuk mencapai kesan yang lebih baik, termasuk:

1. Menyediakan elaun penjagaan secepat untuk kanak-kanak.
2. Memastikan bayi mendapat susu ibu sepenuhnya untuk tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan.
3. Melaksanakan cukai ke atas minuman bergula (SSB).
4. Menyediakan ruang sosial yang selamat untuk kanak-kanak sekolah.
5. Mengkaji semula angka tunjuk kemiskinan khususnya bagi pendapatan garis kemiskinan (PLI) dan menggunakan penunjuk pelbagai dimensi termasuk untuk tahap pemakanan kanak-kanak dan perbandingan pendapatan garis kemiskinan.

Adalah diharapkan hasil kaji selidik ini akan mencetuskan perbincangan di peringkat kebangsaan dan merangsang kepada perubahan dasar terhadap isu berkenaan. Tiba masanya semua pihak yang berkepentingan meningkatkan usaha melindungi kanak-kanak sebagai ahli paling lemah dalam masyarakat. Kaji selidik ini berupa satu peringatan bahawa sudah tiba saat untuk bertindak, dan soal kesejahteraan kanak-kanak hendaklah diberi keutamaan segera.



Pengenalan

Pengenalan

Kaji Selidik

Pendapatan, Bantuan dan Simpanan

Taraf Hidup

Pendidikan dan Pemakanan

Kemiskinan dan Penafian Hak

Kekurangan Zat Makanan

Cadangan Dasar

Laporan Program


Lampiran dan Rujukan

Malaysia berjaya memperbaiki kesejahteraan warganya.

Malaysia mengalami kestabilan pertumbuhan ekonomi dalam tempoh lima abad yang lalu di mana KDNK bertambah sebanyak 10 peratus setahun sejak tahun 70-an (Carta 1.1). Secara purata pertumbuhan KDNK menghasilkan pendapatan tinggi kepada isi rumah dan ia telah menjadi pemacu utama dalam mengurangkan kemiskinan. Tahap kemiskinan berkurangan begitu ketara, iaitu daripada 50 peratus pada 1970 kepada 0.4 peratus pada 2016 (Carta 1.2).


Carta 1.1: KDNK rakyat Malaysia, 1970-2016 ¹ (RM juta)

Nilai KDNK (RM juta)



Carta 1.2: Kadar kemiskinan di Malaysia, 1970-2016 ² (%)

Kadar kemiskinan (%)



Walaupun kadar kemiskinan kebangsaan adalah **0.4%**, kelompok kemiskinan masih wujud.



34%
Orang Asli di
Semeranjung
Malaysia tinggal dalam
kemiskinan³.

© UNICEF Malaysia



20.2%
Bumiputera di
Sabah
tinggal dalam
kemiskinan⁴.

© UNICEF Malaysia/2014/Pirozzi



7.3%
Bumiputera di
Sarawak
tinggal dalam
kemiskinan⁵.

© UNICEF Malaysia

Kejayaan pembangunan ekonomi boleh diukur menerusi sejauh mana kanak-kanak mendapat faedah daripadanya. Ini kerana jika pembangunan itu benar-benar mampan, ia mestilah benar-benar saksama dan berusaha mendekati setiap kanak-kanak.

1 Economic Planning Unit, 'Published Time-Series Economic Statistics: National account', 2017, <www.epu.gov.my/en/economic-statistics/national-accounts>, capaian 11 November 2017.
2 Department of Statistics Malaysia, 'Household Income & Basic Amenities Survey Report 2016', Putrajaya, Oktober 2017, pp. 129.
3 Economic Planning Unit, 'Strategy Paper 02: Elevating B40 households towards a middle-class society', Eleventh Malaysia Plan, Putrajaya, May 2015, p. 8, <www.epu.gov.my/sites/default/files/Strategy%20Paper%2002.pdf> 15 Jun 2017. Kadar kemiskinan adalah untuk tahun 2014.
4 Ibid., p. 8. Kadar kemiskinan adalah untuk tahun 2014.
5 Ibid., p. 8. Kadar kemiskinan adalah untuk tahun 2014.



Lebih daripada satu dalam lima isi rumah mempunyai tiga generasi yang tinggal bersama di dalam satu kawasan perumahan. Nenek kepada keluarga ini menghadapi penyakit kronik dan ia memberi tekanan kepada ahli keluarga yang bekerja.

Kaji Selidik Kemiskinan dan Penafian Hak Kanak-kanak Bandar UNICEF

Pengenalan
Kaji Selidik
Pendapatan, Bantuan dan Simpanan
Tarf Hidup
Pendidikan dan Pemakanan
Kemiskinan dan Penafian Hak
Kekurangan Zat Makanan
Cadangan Dasar
Laporan Program
Lampiran dan Rujukan

Skop kaji selidik

Kaji selidik ini menunjukkan pendekatan pelbagai dimensi terhadap kemiskinan dengan mengukur pendapatan, taraf kehidupan, pendidikan, pemakanan dan keselamatan. Data dikumpul dari responden seramai 966 ketua isi rumah dan 2,142 kanak-kanak daripada 17 lokasi berbeza di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya (Carta 2.1). Untuk penerangan lanjut berkaitan kaedah yang digunakan, sila rujuk Lampiran A (muka surat 71).




966
Ketua isi rumah



2142
Kanak-kanak

Carta 2.1: Kawasan responden di Kuala Lumpur



Ciri-ciri utama respon




Isi rumah




Secara purata, satu isi rumah mempunyai

5
ahli keluarga.


17%
mempunyai lebih 7 ahli keluarga.




Kanak-kanak



42%
ahli isi rumah adalah kanak-kanak
(bawah 18 tahun)



21%
kanak-kanak adalah bawah 5
tahun.




2
Purata 2 orang kanak-kanak
di dalam satu isi rumah; sama
dengan purata kebangsaan.



den




Ketua isi rumah




35%

ketua isi rumah berusia 40-49 tahun




82%

lelaki



68%

Melayu



82%

berkahwin




22%

isi rumah mempunyai tiga generasi (datuk/nenek, ibu bapa dan anak) tinggal bersama.

Kebanyakan ketua isi rumah mempunyai pencapaian pendidikan yang rendah.


Carta 2.2: Ketua isi rumah, mengikut pencapaian pendidikan (%)



9 dalam 10 mempunyai pekerjaan separuh mahir atau berkemahiran rendah.

Carta 2.3: Ketua isi rumah, mengikut status pekerjaan dan kumpulan pekerjaan


Peratus ketua isi rumah (%)



Di kalangan yang bekerja, 3 dalam 5 bekerja swasta. 90% bekerja sepenuh masa.

Carta 2.4: Ketua isi rumah, mengikut sektor pekerjaan dan jenis pekerjaan


Peratus ketua isi rumah (%)



1 dalam 3


tidak mempunyai jaringan keselamatan sosial menyebabkan mereka mudah terdedah kepada masalah ekonomi.

Carta 2.5: Jaringan keselamatan sosial, mengikut jenis liputan (%)



Mereka bekerja lebih kuat tetapi beroleh pendapatan lebih rendah berbanding pekerja biasa.

Carta 2.6: Purata jam bekerja (seminggu) dan bayaran upah sejam (RM) bagi pekerja⁶



6 Department of Statistics Malaysia, 'Labour Force Survey Report 2016', Putrajaya, April 2017, p. 134;

7 'Labour Force Survey Report 2016', p. 134; Department of Statistics Malaysia, 'Salaries & Wages Survey Report 2016', Putrajaya, Mei 2017, p. 23.

Di Sebalik Tabir

Di dalam buku laporan ini, setiap pemisah bahagian memaparkan pengalaman pembanci sewaktu membuat bancian diiringi gambar yang diambil oleh peserta Bengkel Fotografi Belia anjuran OBSCURA Festival of Photography dengan kerjasama DM Analytics untuk UNICEF. Rujuk muka surat 65 untuk keterangan lanjut. Laporan pengalaman mereka itu bagaimanapun telah disunting sedikit agar maksudnya lebih jelas.

Ditulis oleh Noor Syafiqah binti Norrashid, pembanci

Kebanyakan rumah yang saya pergi banyak ibu menetap bersama anak-anak tetapi tanpa suami.

Bukan disebabkan mereka bercerai ataupun berpisah, tapi majoritinya kerana ditinggalkan tanpa berita. Kasihan tengok mereka terpaksa membesarkan dan sara anak-anak seorang diri. Dengan gaji yang mereka dapat setiap bulan memang banyak dihabiskan hanya untuk memenuhi keperluan anak-anak. Saya teringat ada sebuah rumah yang didiami oleh seorang ibu tunggal bersama lima orang anak yang semuanya masih bersekolah. Bila ditanya perbelanjaan bulanannya cukup atau tidak untuk seisi rumah, dia jawab tidak cukup sebab sumber pendapatan dia hanya bergantung kepada duit jualan kuih setiap hari. Lebih-lebih lagi apabila sesi persekolahan bermula, memang dia terpaksa mencari kerja sampingan untuk membayar yuran anak-anak dan membeli pakaian sekolah.

Pengalaman yang paling menyayat hati saya adalah apabila hampir semua responden beritahu mereka tidak dapat membuat simpanan langsung kerana duit yang mereka peroleh semuanya habis dibelanjakan untuk keperluan asasi seisi rumah setiap bulan. Ada antara mereka meluahkan keinginan hendak menyimpan wang macam orang lain, tapi kalau buat begitu, kata mereka, akan kebulur lah satu rumah. Setiap masa kehendak mereka terpaksa diabaikan bagi memenuhi keperluan seharian. Pada mulanya saya tidak percaya keadaan begini masih berlaku di kawasan yang membangun dan maju, terutama sekitar Kuala Lumpur, tetapi itulah hakikat kehidupan masyarakat di situ. Di sebalik kemajuan yang dicapai, masih ramai lagi yang terpaksa berjuang untuk hidup dan mencari rezeki kais pagi makan pagi untuk membesarkan anak-anak mereka.



© UNICEF Malaysia/2017/Hanisah

Kekurangan Bukanlah Penghalang

Ditulis oleh Hanisah (15 tahun), peserta Bengkel Fotografi Belia

Tidak semua kanak-kanak itu sempurna. Gambar ini menceritakan tentang Na'il, Bilal dan Harezz yang mempunyai ikatan kekeluargaan sangat erat. Keriangan Na'il dan Harezz di sisi Bilal mencetuskan suasana riuh. Walaupun mereka sukar untuk berkomunikasi kerana umur Na'il yang masih muda dan Harezz pula mempunyai masalah jantung sejak bayi, itu tidak sedikitpun menghalang kemesraan antara mereka. Kesukaran mereka untuk bercakap dengan lancar menyebabkan saya cuba memahami bahasa mereka dan kadangkala saya akan bertanya kepada ibu bapa mereka jika ada perkataan yang saya tidak faham. Siapa sangka, dalam ketidaksempurnaan tetap dapat bermain seperti kanak-kanak lain. Jadi melalui gambar ini saya ingin mengatakan bahawa kekurangan bukanlah penghalang kepada sesuatu hubungan atau ikatan malah ia juga memberi banyak pengalaman kepada kita.

Pendapatan, Bantuan dan Simpanan

Pengenalan
Kaji Selidik
Pendapatan, Bantuan dan Simpanan
Taraf Hidup
Pendidikan dan Pemakanan
Kemiskinan dan Penafian Hak
Kekurangan Zat Makanan
Cadangan Dasar
Laporan Program
Lampiran dan Rujukan

Pendapatan


1 dalam 3 berpendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan dan 7% isi rumah hidup di bawah garis kemiskinan.

Rajah 3.1: Pendapatan median dan purata sebulan, mengikut kaum (RM)

	Jumlah	Melayu	Cina	India
Purata	RM2,933	RM3,074	RM2,664	RM2,631
Penengah	RM2,500	RM2,700	RM2,350	RM2,100

Carta 3.1: Pengagihan isi rumah, mengikut kumpulan pendapatan


Peratusan isi rumah (%)



43% isi rumah India, 34% isi rumah Cina dan 30% isi rumah Melayu berpendapatan bulanan di bawah RM2,000.

Carta 3.2: Peratusan pendapatan isi rumah, mengikut kaum (%)


Peratusan isi rumah (%)



Bantuan dan simpanan


Kurang
4%
isi rumah
menerima sama
ada bantuan
zakat atau
JKM...

Carta 3.3: Peratusan bantuan yang diterima isi rumah, mengikut jenis bantuan (%)




... dan
34%
isi rumah yang
berpendapatan
bawah RM4,000
tidak menerima
BR1M.


Carta 3.4: Peratusan ketua isi rumah menerima BR1M, mengikut kumpulan pendapatan (%)



77%
isi rumah tiada
simpanan.

Carta 3.5: Pengagihan isi rumah, mengikut jumlah keseluruhan simpanan (%)





Dengan keadaan yang agak sunyi dan gelap akan menggalakkan token dadah mengedarkan barangan mereka di tangga-tangga dan lif.

Tulisan Zaitun Othman, pembanci

Sewaktu kami menjalankan kaji selidik dari rumah ke rumah, rata-rata mereka menerima kami dengan baik. Ada yang menjemput masuk, ada yang memberi makan dan minum, ada yang memberi nasihat, tetapi ada juga yang menutup pintu. Mereka akan memberitahu masalah jenayah yang berlaku di kawasan itu agar kami berhati-hati. Masalah dadah, bagi mereka, adalah masalah yang biasa berlaku di sini. Mereka tidak akan membiarkan anak-anak mereka bermain diluar rumah tanpa pengawasan. Awal pagi dan lewat petang adalah masa yang ditakuti oleh penduduk PPR.



© UNICEF Malaysia/2017/Kisshen Raj R. Muthiah

Si kecil jiran baru kami

Tulisan Kisshen (15 tahun), peserta Bengkel Fotografi Belia

Darshan adalah anak jiran kami. Dia baru berusia setahun. Dia selalu datang ke rumah kami. Dia bukan ahli keluarga kami tetapi dia berjaya menambat hati kami. Saya fikir dia lebih rapat dengan kami daripada keluarganya sendiri. Hubungan kami sangat rapat dan rumah kami rasa sunyi apabila dia tidak datang. Dia umpama cahaya yang menerangi hidup kami sekeluarga.


Taraf Hidup

Pengenalan
Kaji Selidik
Pendapatan, Bantuan dan Simpanan
Taraf Hidup
Pendidikan dan Pemakanan
Kemiskinan dan Penafian Hak
Kekurangan Zat Makanan
Cadangan Dasar
Laporan Program
Lampiran dan Rujukan

Taraf Hidup

Lebih 1 dalam 5 menganggap kawasan umum di kawasan perumahan mereka tidak bersih.

Carta 4.1: Tanggapan penduduk terhadap kebersihan awam dan keberkesanan sistem saliran




© UNICEF Malaysia/2017/Hanisah

Kuala Lumpur kerap mengalami hujan lebat dan ini menyebabkan sistem saliran di kawasan perumahan murah mudah tersumbat.

"Kami perlu menjaga satu sama lain." - Puan Devi (45 tahun), penduduk PPR


Responden memelihara hubungan baik dengan tetangga tanpa mengira kaum (Carta 4.2). Mereka juga mempunyai hubungan rapat dengan anak (Carta 4.3). Lebih separuh golongan ibu yang mempunyai anak berusia bawah lima tahun sentiasa bersama anak mereka dan hanya 5% bapa yang tidak meluangkan masa dengan anak.

Carta 4.2: Hubungan dengan kaum lain dan jiran, mengikut status (%)



Carta 4.3: Masa yang dihabiskan oleh kanak-kanak bersama ibu dan bapa (%)

Peratusan isi rumah (%)




Isu Sosial dan Keselamatan

3 daripada 4 responden berasa kawasan tempat tinggal mereka tidak selamat untuk anak-anak pada waktu malam.

Sebahagian besar responden pernah melihat pelajar menghisap rokok atau minum minuman keras di kawasan perumahan.


Carta 4.4: Keselamatan kejiwaan bagi kanak-kanak, mengikut waktu (%)

Peratusan isi rumah (%)




Carta 4.5: Pemerhatian terhadap pelajar di kawasan perumahan terlibat dan pembabitkan kanak-kanak isi rumah, mengikut masalah sosial (%)

S: Adakah pelajar di kawasan perumahan ini terbabit dalam mana-mana kegiatan berikut?



S: Pernahkah anak anda terbabit dalam mana-mana kegiatan ini?



Segala-galanya adalah mengenai tanggapan.

Tanggapan mengenai kebersihan dan keselamatan berbeza antara seorang dengan seorang yang lain. Di sini pembanci memberi pandangan berlainan daripada apa yang diselidiki mengenai kebersihan. Bagaimanapun berhubung rasa tidak selamat, wujud persamaan pendapat antara pembanci dan responden.

"Kebanyakan ibu tidak akan membiarkan anak-anak mereka yang berumur bawah 9 tahun turun atau naik ke rumah menggunakan lif jika berseorangan. Pernah juga berlaku kes rogol dalam lif."

– Nur Zaslín Binti Zailani, pembanci

"Mungkin sebab inilah mereka berwaspada apabila terdapat orang yang tidak dikenali melawat mereka. Saya juga mendengar cerita daripada salah seorang responden bahawa terdapat kes jiran merompak rumah jiran lain dan ini mungkin menambahkan perasaan takut mereka terhadap orang luar."

- Hamy Asraf bin Hamidi, pembanci

"Kebersihan di kawasan PPR sangat tidak memuaskan. Keadaannya kotor dan agak berbau. Air bertakung di lantai aras dan sampah berterabur. Lif berbau hancing dan tangga dipenuhi sampah. Tahap kebersihan berbeza di setiap aras. Lagi tinggi aras lagi bersih dan aras yang di bawah lebih kotor dan busuk."

- Zaitun Othman, pembanci

Pendidikan dan Pemakanan

Pengenalan
Kaji Selidik
Pendapatan, Bantuan dan Simpanan
Taraf Hidup
Pendidikan dan Pemakanan
Kemiskinan dan Penafian Hak
Kekurangan Zat Makanan
Cadangan Dasar
Laporan Program
Lampiran dan Rujukan


Pendidikan

51% kanak-kanak berusia 5 dan 6 tahun tidak menghadiri prasekolah dan 2% yang berusia 7-17 tahun tidak bersekolah.

Daripada 2% itu, sebanyak 84% berusia 13-17 tahun manakala 16% berusia 7-12 tahun.


Carta 5.1: Peratusan kanak-kanak tidak bersekolah, mengikut kumpulan umur (%)

Peratusan kanak-kanak (%)




Kira-kira 4 dalam 10 isi rumah tiada alat permainan untuk anak-anak berusia bawah 5 tahun dan 31% isi rumah tidak mempunyai buku untuk anak-anak berusia bawah 18 tahun.

Carta 5.2: Purata bilangan alat permainan bagi kanak-kanak berusia bawah 5 tahun dan bilangan buku bagi kanak-kanak setiap isi rumah (%)





Pemilikan bahan bacaan tidak ada kaitan dengan tahap pendidikan ibu bapa.

Carta 5.3: Purata bilangan buku bagi kanak-kanak, mengikut pencapaian pendidikan ibu bapa (%)



8 dalam 10 kanak-kanak belajar di ruang tamu.

Carta 5.4: Ruang belajar untuk kanak-kanak (%)




© UNICEF Malaysia/2017/Nur Atikah Mohd Shaidi

Belajar di ruang tamu ada banyak gangguan memandangkan kawasannya sempit. Dalam kes Nur ini, televisyen terletak bersebelahannya jadi dia terpaksa berpindah ke tempat lain apabila ahli keluarganya mahu menonton televisyen.


14%
kanak-kanak mempunyai pencapaian akademik sederhana dan lemah.

Carta 5.5: Pencapaian akademik bagi kanak-kanak di sekolah, mengikut ibu bapa (%)



Meskipun menghadapi pelbagai rintangan, pencapaian akademik mereka masih setanding dengan purata pencapaian di peringkat kebangsaan.

Carta 5.6: Pecahan perolehan gred, mengikut mata pelajaran PMR – Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris⁸ (%)




Cadangan dasar: Perkongsian ruang yang selamat untuk kanak-kanak

Antara punca isi rumah tidak mempunyai buku dan alat permainan adalah disebabkan kekurangan ruang. Banyak kali mereka terpaksa memulangkan bertapak-bertapak buku dan alat permainan sumbangan pertubuhan bukan kerajaan dan agensi-agensi lain kerana tidak ada tempat untuk menyimpan. Kertas cadangan dasar yang memenangi program Policython telah mencadangkan penubuhan pusat komuniti yang boleh menyimpan buku dan alat permainan untuk dikongsi bersama-sama anak-anak di kawasan perumahan terbabit. Rujuk muka surat 66 untuk keterangan lanjut mengenai program Policython.

Pemakanan

Lebih daripada 1 dalam setiap 10 kanak-kanak menikmati kurang daripada tiga hidangan sehari.

Carta 5.7: Purata bilangan hidangan yang diambil sehari bagi kanak-kanak berusia 5-17 tahun (%)




© UNICEF Malaysia/2017/Falah Syukran Adenan

Roti canai adalah antara hidangan kegemaran pelbagai lapisan rakyat Malaysia. Dimakan dengan kari dal dan diiringi minuman teh manis berais, hidangan ini memang sangat nikmat. Gambar ini dirakam di medan selera berhampiran PPR Desa Rejang.


97% isi rumah menyatakan bahawa harga barang makanan yang tinggi menghalang mereka untuk menyediakan hidangan sihat kepada anak-anak.

Carta 5.8: Halangan untuk menyediakan hidangan sihat kepada kanak-kanak



1 dalam 2 tidak mempunyai cukup wang untuk membeli makanan sejak beberapa bulan kebelakangan dan **15%** sering mengalami masalah ini.

Carta 5.9: Keupayaan untuk membeli makanan dan kekerapan





© UNICEF Malaysia/2017/Raja Shah Ikhmal Raja Remi

"Percaya atau tak, sekarang ni ada sekilo beras saja di rumah saya."

Tulisan Iwani Khairiah binti Che Jamaluddin, pembanci

Inilah kata-kata yang diucapkan oleh salah seorang responden ketika ditemu bual. Beliau adalah seorang ibu kepada tiga orang anak lelaki dan tidak bekerja kerana menjaga anak bongsunya yang berumur 7 tahun. Beliau telah berkahwin lain setelah kematian suami, tetapi malangnya suami baru pula tidak dapat bekerja kerana sakit. Perbelanjaan rumah mereka bergantung kepada BR1M dan sumbangan yang tidak seberapa daripada dua orang anaknya. Bayaran sewa rumah dan bil-bil lain telah lama tertunggak malahan perbelanjaan makanan juga tidak mencukupi. Rumah yang diduduki sekarang merupakan rumah PPR kedua mereka kerana rumah sebelum ini terlibat dalam kebakaran. Beliau meluahkan rasa tidak puas hati terhadap sesetengah pihak yang sering memberi sumbangan kepada ibu-ibu tunggal. Menurut beliau, bukan semua ibu tunggal memerlukan bantuan, sebaliknya bantuan harus diberikan kepada golongan yang lebih memerlukan seperti keluarga beliau. Beliau berharap kemasukan BR1M secepat mungkin untuk membeli keperluan dapur.



© UNICEF Malaysia/2017/Raja Shah Ikmal Raja Remi
© UNICEF Malaysia/2017/Raja Shah Ikmal Raja Remi

© UNICEF Malaysia/2017/Muhammad Haikal Mohd Hazran

Kemiskinan dan Penafian Hak

Pengenalan
Kaji Selidik
Pendapatan, Bantuan dan Simpanan
Taraf Hidup
Pendidikan dan Pemakanan
Kemiskinan dan Penafian Hak
Kekurangan Zat Makanan
Cadangan Dasar
Laporan Program
Lampiran dan Rujukan

Rencana ini memenangi Pertandingan Esei Kewartawanan

Rujuk muka surat 68 untuk keterangan lanjut mengenai program ini.

Peranan Wartawan dalam Membasmi Kemiskinan

Tulisan Dewi Seribayu Nordin Selat, penuntut tahun 2, Pengajian Media dan Komunikasi Massa, UiTM Shah Alam



Kalau anda pernah pergi Jakarta, anda tentu tahu betapa sesaknya kota raya itu yang padat dengan manusia serta bangunan pencakar langit, kondominium mewah dan aneka gedung beli-belah. Di situ juga sendat dengan pondok, rumah setinggian dan penempatan tidak formal yang serba kekurangan. Semuanya di dalam sebuah kota raya. Perbezaan di antara golongan kaya dan miskin amat ketara namun tiada siapa peduli. Di sebuah persimpangan lampu trafik, seorang budak perempuan mengetuk tingkap teksi yang kami naiki. Dia kelihatan sebaya saya, yang waktu itu berusia 10-11 tahun. Dia berpakaian compang-camping dan berselipar usang yang agak besar untuk kakinya. Dia meminta wang dan belum pun sempat bapa saya hendak menghulurkannya, pemandu teksi kami menghalaunya. "Mereka suka mengganggu," katanya. Kami terdiam sambil memandang budak perempuan itu berlalu pergi ke arah sekumpulan kanak-kanak sepertinya. Pakaian mereka kotor dan mereka sangat kurus. Paling menyedihkan tidak ada seorang pun antara mereka nampak gembira. Saya yang masih kecil waktu itu terfikir, "Nasib baik Malaysia tidak begitu."

Pengalaman pertama saya tentang kemiskinan berlaku bertahun-tahun yang lalu.

Bagaimanapun saya silap.

Kita mungkin tidak melihat kemiskinan di bandar-bandar besar di negara kita tetapi itu tidak bermakna kemiskinan tidak wujud. Golongan miskin bandar tinggal dalam keadaan kemiskinan relatif di mana mereka menghadapi kekurangan pendapatan minimum untuk meneruskan kehidupan di tengah-tengah masyarakat bandar. Fakta yang tidak ramai tahu mengenai kemiskinan di Malaysia adalah sebahagian golongan miskin bukanlah kumpulan masyarakat yang sepanjang masa hidup dalam kemiskinan. Ini kerana sebagaimana kita, mereka juga mempunyai pekerjaan, keluarga dan anak. Keadaan ini lebih menakutkan apabila kita fikir mereka yang tinggal di bandar semuanya mempunyai kedudukan ekonomi yang baik. Dan tidakkah kita bimbang apabila mengetahui ada yang terpaksa melakukan dua tiga pekerjaan tetapi masih tidak dapat hidup selesa? Kemiskinan bukan sekadar diukur dari segi wang ringgit. Dipinggirkan daripada kemudahan asas termasuk pendidikan, hak asasi sivil dan politik dan paling penting, kekurangan peluang juga dianggap miskin. Kanak-kanak dua kali ganda lebih mudah terdedah kepada kehidupan miskin yang melampau berbanding orang dewasa, menurut analisis baru Kumpulan Bank Dunia dan UNICEF. Kanak-kanak lebih merana kerana mereka tidak dapat berbuat apa-apa untuk mengubah kehidupan justeru mereka membesar tanpa berpeluang menikmati keistimewaan asas yang mereka sepatutnya miliki.

Selepas 10 tahun baru saya sedar yang kemiskinan sangat meluas di negara kita. Ini mengundang kepada persoalan bagaimana saya boleh mengambil masa 10 tahun untuk menyedari hal itu? Jawapannya mudah – berita kemiskinan tidak akan melariskan akhbar. Dalam industri yang didorong oleh pasaran, kuasa beli pengguna dan pengiklan mempengaruhi sebahagian besar isi kandungan sesebuah akhbar. Kemiskinan jarang dilaporkan media dan kalau dilaporkan, mereka yang hidup miskin ini tidak diberi ruang untuk menjelaskan erti kesusahan mereka. Jadi bagaimana umum dapat melihat dan

mendengar jerit-perih mereka? Bagaimana kita semua boleh bersama-sama berganding bahu mengatasi masalah ini kalau kita tidak didedahkan kepada kehidupan sebenar mereka?

Media sentiasa memainkan peranan utama dalam membentuk pemikiran dan dasar. Laporan tentang kemiskinan – yang jarang dilaporkan – penuh dengan perangkaan dan istilah yang tidak kita fahami. Kemiskinan sering dibentangkan secara robotik tanpa emosi dan belas kasihan. Memang perangkaan penting tetapi ia menjauhkan umum daripada masalah ini dan dalam beberapa hal menghakiskan taraf kemanusiaan golongan miskin. Untuk menarik perhatian umum, kita perlu menyentuh perasaan mereka. Bagaimana? Ya, kata-kata sangat berpengaruh dan jika diiringi dengan gambar yang sesuai tentu saja boleh memaksa kepada perubahan. Gambar ibarat jendela yang membolehkan seseorang menjenguk dan menyelami dunia kemiskinan. Gambar berupaya menjelaskan keadaan sebenar kehidupan miskin bandar. Gambar mampu menjentik jiwa.

Kemiskinan tidak boleh dimaafkan, terutama terhadap kanak-kanak. Membesar dan tinggal dalam suasana begitu meninggalkan kesan mendalam kepada kehidupan dan membentuk mereka menjadi manusia yang berpandangan pesimis. Kemiskinan tidak semestinya wujud pada lahiriah sahaja, malah boleh juga hadir di dalam fikiran dan jiwa. Golongan miskin hidup dengan kekecewaan, cemas, malu dan rendah diri kesan daripada ketiadaan suara dan kuasa. Ramai percaya bahawa golongan miskin tidak berharga dan tidak boleh memberi apa-apa. Justeru kanak-kanak itu membesar tanpa cita-cita dan impian, bergaul dengan kumpulan yang salah bahkan sesetengahnya menjadi pemangsa dan penjenayah. Persekitaran tempat tinggal mereka tidak kondusif mahupun mempunyai tokoh setempat yang boleh dicontohi untuk membina sahsiah moral. Mereka kurang fokus dan membiarkan diri hanyut tanpa tujuan. Keadaan ini bagaimanapun boleh diubah jika ada saluran atau suara yang boleh mewakili mereka. Tanpa saluran atau suara itu maka selamanya lah mereka tidak dapat menyertai sebarang pembincangan atau melahirkan pandangan berkaitan dasar awam yang memberi kesan kepada kehidupan mereka. Ternyata golongan miskin kurang mendapat maklumat dan ilmu yang boleh membantu mereka mengambil langkah-langkah wajar untuk memperbaiki kehidupan. Dalam erti kata lain, mereka bukannya tidak mahu tetapi tidak tahu.


Adalah mustahak untuk kita sentiasa ingat bahawa masa depan negara terletak di tangan anak muda. Kanak-kanak miskin tidak terkecuali. Bagaimana kita boleh bergerak maju sebagai satu bangsa jika kita gagal memberi kanak-kanak ini peluang dalam hidup mereka? Jika isu ini berlarutan terlalu lama akan mewujudkan budaya kemiskinan yang diwarisi turun-temurun. Masalah hari ini adalah esok. Apa yang tidak boleh diperbaiki pada generasi masa kini akan menjadi masalah kepada generasi akan datang. Jadilah suara mereka. Jadilah ejen perubahan untuk mereka. ■

Kemiskinan dan Penafian Hak

Manakala perangkaan rasmi menunjukkan kemiskinan di Kuala Lumpur sudah dihapuskan, 7% responden dalam kaji selidik ini hidup di bawah garis kemiskinan. Secara relatifnya 85% dianggap miskin. Mengikut asas per kapita, pendapatan isi rumah responden hampir 6 kali lebih rendah daripada KL.


Carta 6.1: Kemiskinan mutlak, mengikut profil pendapatan (%)

Peratusan isi rumah (%)




Carta 6.2: Perbandingan kemiskinan, mengikut profil pendapatan (%)

Peratusan isi rumah (%)



Carta 6.3: Pendapatan isi rumah per kapita (RM)

Pendapatan isi rumah (RM)



Nota:

Isi rumah miskin = Isi rumah dengan HHI bawah PLI (RM970)

Isi rumah mudah terdedah = Isi rumah dengan HHI antara PLI dan 2.5 kali PLI

B40 yang lain = isi rumah dengan HHI antara 2.5 kali PLI hingga RM 7,639/bulan


Pertengahan 40 = isi rumah dengan HHI antara RM 7,640-RM15,159

* Kemiskinan mutlak – menggunakan pendapatan median Kebangsaan (pendapatan isi rumah bawah RM2,614)


** Kemiskinan mutlak – menggunakan pendapatan median KL (pendapatan isi rumah bawah RM4,536)

7% kanak-kanak hidup dalam kemiskinan mutlak. Secara perbandingan dan melaraskannya dengan saiz isi rumah, hampir semua mereka hidup dalam kemiskinan.

Carta 6.4: Peratusan kanak-kanak, mengikut profil pendapatan isi rumah (%)



Carta 6.5: Kemiskinan kanak-kanak, istilah mutlak dan perbandingan (%)





7% kanak-kanak hidup dalam kemiskinan mutlak. Secara perbandingan dan melaraskannya dengan saiz isi rumah, hampir semua mereka hidup dalam kemiskinan.

Cara kanak-kanak menghabiskan waktu senggang berbeza antara satu sama lain. Amir yang baru selesai menduduki peperiksaan PT3 ketika kaji selidik ini dijalankan sering menghabiskan masa lapangnya bersama kawan-kawan di pusat snuker berdekatan sehingga lewat malam.





© UNICEF Malaysia/2017/Muhammad Amerol Afiq Mohd Dzon Akhirom

Kakak Saya

Tulisan Amerol (13 tahun), peserta Bengkel Fotografi Belia

Kakak saya seorang yang sabar dan tidak berputus asa. Bagaimanapun ada masanya dia kecewa juga apabila pelanggan masih marah-marah walaupun sudah dilayan dengan baik. Kadang-kadang dia juga diperlekehkan oleh orang kaya yang ingat dia tidak mempunyai sijil SPM sebab bekerja di kedai menjual telefon. Apabila tidak dapat menjual sebuah telefon dalam masa dua minggu atau sebulan dia terfikir untuk berhenti kerja, tetapi tetap berusaha untuk membuat yang terbaik. Kakak saya juga seorang yang mempunyai hubungan baik dengan majikan dan rakan sekerjanya.


Kekurangan Zat Makanan

Pengenalan
Kaji Selidik
Pendapatan, Bantuan dan Simpanan
Taraf Hidup
Pendidikan dan Pemakanan
Kemiskinan dan Penafian Hak
Kekurangan Zat Makanan
Cadangan Dasar
Laporan Program
Lampiran dan Rujukan


Menyediakan makanan berzat adalah masalah utama di Malaysia. 1 dalam 5 kanak-kanak mengalami pertumbuhan terbantut dan 1 dalam 10 mengalami kurang berat badan.

Kekurangan zat makanan adalah satu lagi bentuk penafian hak. Kaji selidik ini mendapati masalah kurang berat badan, terbantut dan kurus kering yang berleluasa di kalangan kanak-kanak berusia bawah 5 tahun adalah dua kali ganda lebih banyak berbanding purata KL. Masalah berat badan berlebihan yang berleluasa pula hampir enam kali ganda (23%) daripada purata KL (4%).

Carta 7.1: Gambarajah kanak-kanak yang mengalami kekurangan zat makanan¹⁰



Carta 7.2: Tahap peratusan kanak-kanak terbantut, mengikut negeri, 2016¹¹ (%)



Berbanding negara yang mempunyai KDNK per kapita sama dengan Malaysia, berat badan di kalangan kanak-kanak Malaysia secara perbandingannya adalah tinggi. Misalnya, hampir 13% kanak-kanak kita yang berusia 5-19 tahun adalah obes dan peratusan ini lebih tinggi daripada Hungary (11%), Turki (10%) dan Poland (9%)¹². Peratusan kanak-kanak kita yang terbantut pula lebih teruk daripada Ghana walaupun KDNK per kapita Malaysia enam kali lebih tinggi¹³. Di daerah paling kaya di Malaysia, iaitu Putrajaya, hampir satu dalam empat kanak-kanak terbantut dan ini adalah lebih tinggi daripada purata kebangsaan (Carta 7.2). Kanak-kanak di negeri paling miskin pula, Kelantan lebih teruk daripada kanak-kanak di negara berpendapatan rendah seperti Zimbabwe dan Swaziland¹⁴.

10 Berat dan ketinggian normal merujuk kepada perbandingan berat dan umur, ketinggian dan umur, dan perbandingan berat dan ketinggian dengan skor-z yang $-2SD \leq +2SD$. Kurus kering: Perbandingan berat dan umur dengan skor-z $< -2SD$. Terbantut: Perbandingan ketinggian dan umur dengan skor-z $< -2SD$. Source: World Health Organization, 'Interpreting Growth Indicators', Training Course on Child Growth Assessment: WHO child growth standards, Geneva, 2008, p. 14

11 Institute of Public Health Malaysia, 'The National Health and Morbidity Survey 2016: Maternal and child health', Vol. II: Findings, Kuala Lumpur, 2016, p. 156

12 World Health Organization, 'Joint Child Malnutrition Estimates 2017 (UNICEF-WHO-WB)', Mei 2017, <www.who.int/nutgrowthdb/jme_dataset2017_final.xlsx?ua=1>, capaian 14 November 2017.

13 World Health Organization, 'Global Health Observatory Data Repository: Prevalence of overweight, age-standardized', n.d., <http://apps.who.int/gho/athena/data/GHO/NCD_BMI_25A?filter=AGEGROUP*:COUNTRY*:SEX*&xsideaxis=COUNTRY&xtopaxis=YEAR;GHO:AGEGROUP:SEX&profile=crosstable&format=csv>, capaian 15 Januari 2018.

14 Ibid.

Di mana kah kedudukan Malaysia berbanding negara serantau yang lain?

Kanak-kanak di negara kita lebih teruk daripada beberapa negara berpendapatan rendah di rantau ini. Rajah 7.1 adalah perangkaan terkini daripada WHO.

Rajah 7.1 Peratusan kanak-kanak kurus kering, terbantut, kurang berat badan dan berat badan berlebihan di kalangan kanak-kanak berusia bawah 5 tahun, dan obes di kalangan kanak-kanak dan remaja berusia 5-19 tahun di Malaysia dan wilayah Asia Tenggara (%)

Kurus kering		
No	Negara	Peratusan
1	Brunei	2.9%
2	Singapura	3.6%
3	Laos	6.4%
4	Vietnam	6.4%
5	Thailand	6.7%
6	Myanmar	7.0%
7	Filipina	7.9%
8	Malaysia	8.0%
9	Cambodia	9.6%
10	Indonesia	13.5%

Terbantut		
No	Negara	Peratusan
1	Singapura	4.4%
2	Thailand	16.3%
3	Malaysia	17.7%
4	Brunei	19.7%
5	Vietnam	24.6%
6	Myanmar	29.2%
7	Filipina	30.3%
8	Cambodia	32.4%
9	Indonesia	36.4%
10	Laos	43.8%

Kurang berat badan		
Rank	Country	Rate
1	Singapura	3.3%
2	Thailand	9.2%
3	Brunei	9.6%
4	Malaysia	12.4%
5	Vietnam	14.1%
6	Myanmar	18.9%
7	Filipina	19.9%
8	Indonesia	19.9%
9	Cambodia	23.9%
10	Laos	26.5%

Overweight		
Rank	Country	Rate
1	Myanmar	1.3%
2	Laos	2.0%
3	Cambodia	2.0%
4	Singapura	2.6%
5	Filipina	5.0%
6	Vietnam	5.3%
7	Malaysia	7.1%
8	Brunei	8.3%
9	Thailand	10.9%
10	Indonesia	11.5%

Obes (Kanak-kanak dan remaja berusia 5-19 tahun)		
Rank	Country	Rate
1	Vietnam	2.6%
2	Cambodia	3.2%
3	Myanmar	3.7%
4	Filipina	4.3%
5	Laos	4.7%
6	Indonesia	6.1%
7	Singapura	6.8%
8	Thailand	11.3%
9	Malaysia	12.7%
10	Brunei	14.1%

Masalah terbantut dan anemia yang berleluasa juga meningkat dalam jangka masa satu dekad (Rajah 7.2). Dalam tempoh yang sama, bilangan kanak-kanak yang kurus kering telah berkurangan namun tetap berada pada tahap tinggi, iaitu lebih satu dalam setiap 10 orang kanak-kanak adalah kurus kering.


Rajah 7.2: Perangkaan kekurangan zat makanan di kalangan kanak-kanak berusia bawah 5 tahun dan wanita hamil berusia 15-49 tahun, 2006 dan 2016 (%)

Tahun	2006	2016
Terbantut	17.0%	20.7%
Kurus kering	13.0%	11.5%
Anemia (wanita hamil 15-49 tahun)	28.4%	30.8%

Kekurangan zat makanan di kalangan kanak-kanak yang tinggal di rumah pangsa lebih tinggi daripada purata kebangsaan dan KL.

Masalah kekurangan zat makanan yang berleluasa di kalangan kanak-kanak berusia bawah 5 tahun dalam sampel kaji selidik ini adalah lebih tinggi daripada purata kebangsaan dan KL. Kanak-kanak yang terbantut dan kurus kering pula adalah dua kali ganda daripada purata KL.

Carta 7.3: Peratusan kanak-kanak berusia bawah 5 tahun yang mengalami kekurangan zat makanan di antara Malaysia, KL dan rumah pangsa (sampel) (%)¹⁸




17 'Joint Child Malnutrition Estimates 2017 (UNICEF-WHO-WB)
18 Institute of Public Health Malaysia, 'The National Health and Morbidity Survey 2016: Maternal and child health', Vol. II: Findings, Kuala Lumpur, 2016, pp. 154, 156, 158.

Kekurangan zat makanan di kalangan kanak-kanak bawah 5 tahun

15%
mengalami
kurang berat
badan.

Carta 7.4: Perbandingan berat dan umur di kalangan kanak-kanak berusia bawah 5 tahun (%)


Peratusan kanak-kanak (%)



22%
terbantut.

Carta 7.5: Perbandingan ketinggian dan umur di kalangan kanak-kanak berusia bawah 5 tahun (%)


Peratusan kanak-kanak (%)



20%
kurus kering
dan
23%
sama ada
mengalami
berat badan
berlebihan atau
obes.

Carta 7.6: Perbandingan berat dan ketinggian di kalangan kanak-kanak berusia bawah 5 tahun (%)

Peratusan kanak-kanak (%)




Masalah kekurangan zat makanan yang berleluasa adalah lebih tinggi di kalangan kanak-kanak yang lebih tua.

Carta di bawah membandingkan kesan kekurangan zat makanan di antara kanak-kanak berusia 2 tahun dengan kanak-kanak yang berusia 4 tahun dalam sampel kaji selidik. Sebaik sahaja kanak-kanak berhenti mengambil susu ibu dan diberi makanan pepejal, masalah kekurangan zat makanan yang berleluasa meningkat.

23%
kanak-kanak
berusia 4
tahun terbantu
berbanding
hanya
15%
kanak-kanak
berusia 2 tahun.

Carta 7.7: Perbandingan ketinggian dan umur di kalangan kanak-kanak berusia 2 dan 4 tahun (%)


Peratusan kanak-kanak (%)



22%
kanak-kanak
berusia 4 tahun
mengalami
masalah kurang
berat badan
berbanding
dengan
5%
kanak-kanak
berusia 2 tahun.


Carta 7.8: Perbandingan berat badan dan umur di kalangan kanak-kanak berusia 2 dan 4 tahun (%)

Peratusan kanak-kanak (%)



32%
kanak-kanak
berusia 4 tahun
kurus kering
berbanding
17%
kanak-kanak
yang berusia 2
tahun.


Carta 7.9: Perbandingan berat badan dan ketinggian di kalangan kanak-kanak berusia 2 dan 4 tahun (%)



Kekurangan zat makanan mengikut kaum

Masalah kanak-kanak kurus kering dan terbantut didapati lebih tinggi di kalangan kanak-kanak Cina manakala kanak-kanak India lebih ramai yang mengalami kekurangan berat badan dan juga berat badan berlebihan.

Carta 7.10: Peratusan kekurangan zat makanan, mengikut kaum (%)



Adakah saiz penting? Ya, penting.¹⁹

Ini adalah ringkasan kertas penyelidikan bertajuk "Kemiskinan Kanak-kanak Bandar: Adakah saiz penting?" tulisan Sudha Sivadas dan Normaz Wana Ismail dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia yang memenangi Anugerah Penyelidikan Pelajar.

Kertas ini bertujuan untuk menyelidik masalah "kemiskinan kesihatan" di kalangan kanak-kanak berusia 5-17 tahun yang tinggal dalam kumpulan isi rumah UVG. Adakah saiz pertumbuhan kanak-kanak daripada isi rumah UVG ini penting? Adakah kanak-kanak yang bertubuh besar dan berat itu bermakna mereka lebih berpeluang untuk mendapat makanan dan pemakanan yang berkhasiat? Atau sebaliknya?

Unit Perancangan Ekonomi mendefinisikan UVG sebagai kumpulan yang mudah terdedah kepada krisis dan ketidakpastian ekonomi, berpendapatan rendah, berpendidikan tinggi dan lazimnya terdapat dalam sektor pengeluaran dan berkemahiran rendah. Masalah obes di kalangan kanak-kanak adalah fenomena global dan kian ketara di negara pesat membangun seperti Malaysia. Obes adalah keadaan fizikal di mana berat badan bertambah menerusi pengambilan lebih banyak tenaga berbanding menghilangkannya. Ia menjejaskan kesihatan dan memendekkan umur kerana mengundang risiko kesihatan yang teruk berupa penyakit tidak berjangkit seperti sakit jantung, kencing manis dan barah.

Masalah obes yang berleluasa di Malaysia terus meningkat selepas tahun 1990-an apabila kebanyakan warganya lebih suka menaiki kenderaan dan melakukan aktiviti riadah yang tidak menggunakan banyak tenaga fizikal. Masalah obes yang berleluasa di kalangan kanak-kanak Malaysia berusia 5-19 tahun juga lebih tinggi daripada perangkaan global. Selain itu didapati bahawa mengikut strata, kawasan bandar mempunyai lebih ramai kanak-kanak yang mengalami berat badan berlebihan dan obes, iaitu 19.1% berbanding di luar bandar mencatat 16.5%-17.5%. Sejajar dengan fakta tersebut adalah peningkatan trend membeli makanan di luar yang menjadi komponen utama pemakanan di kebanyakan negara yang mengalami proses perbandaran pantas. Lebih panjang waktu bekerja dan lebih jauh rumah dari tempat kerja memaksa mereka untuk mengambil makanan yang bukan dimasak di rumah.

Jabatan Perangkaan melaporkan kenaikan berterusan dalam indeks membeli makanan di luar, dengan angka terbaru sebanyak 3.3% pada Oktober 2016. Makanan sebegini lazimnya dikaitkan dengan kandungan tenaga dan lemak yang tinggi serta kurang berkhasiat, seterusnya meningkatkan lagi bilangan obes yang sudah berleluasa. Oleh kerana makanan yang diproses kian mudah didapati maka pemakanan pun bertambah sarat dengan gula dan bahan berkalori tinggi. Ini diiringi pula oleh gaya hidup yang tidak cergas maka pemakanan masa kini menjadi resipi ideal untuk penyakit kronik, terutama di kalangan orang miskin. Kaji selidik ke atas remaja Mesir mendapati lebih 50% golongan itu mengambil satu atau lebih minuman berkabonat setiap hari dan hampir 90% tidak melakukan senaman.

Kaji selidik ini mendapati masalah berat badan berlebihan dan obes paling berleluasa di kalangan kanak-kanak Cina, iaitu 17.3% diikuti Melayu (17.2%), India (16%) dan Bumiputera lain (16%). Kanak-kanak Cina mencatat peratusan obes tertinggi sebanyak 19% manakala kanak-kanak India 18%, Melayu 17% dan Bumiputera lain, 16%. Saiz keluarga juga menyumbang kepada jumlah peratusan itu di mana kemungkinan bilangan isi rumah yang besar untuk mempunyai anak berbadan berat berlebihan dan obes adalah 12% dan 7% lebih tinggi. Mengikut tahap pemakanan orang dewasa, isi rumah yang mempunyai orang dewasa gemuk juga berkemungkinan besar menyumbang kepada hampir 5.3% dan 10% anak-anak berbadan berat berlebihan dan obes. Kalau mengikut pendapatan ibu bapa, kemungkinan keluarga dalam kategori UVG mempunyai anak obes adalah 5% lebih rendah. Mengikut tahap pendidikan pula, kemungkinan ibu bapa berpelajaran tinggi/HOHs mempunyai anak obes adalah 3% lebih rendah. Bagaimanapun, isi rumah yang diketuai oleh ibu atau bapa tunggal berkemungkinan besar mempunyai anak berbadan berat berlebihan dan obes.

Walaupun hasil kaji selidik tidak menjelaskan secara khusus bahawa isi rumah UVG berkemungkinan mempunyai anak berbadan berat berlebihan dan obes, kumpulan ini bagaimanapun tidak boleh dikesampingkan. Oleh kerana kebanyakan isi rumah yang diketuai ibu atau bapa tunggal adalah di dalam kategori UVG maka bolehlah dikatakan bahawa masalah berat badan berlebihan dan obes di kalangan isi rumah berkenaan semakin berleluasa.

Aliran ini serupa dengan apa yang dialami oleh negara-negara maju ketika proses perbandaran mereka berkembang pesat. Ia mengesahkan tanggapan bahawa obes bukan setakat merebak di kalangan orang berada tetapi wujud dalam pelbagai lapisan masyarakat. Meskipun keadaan itu belum mencapai tahap membimbangkan, ia tentunya bakal menjadi gaya hidup masa depan jika tidak diberi perhatian sewajarnya. Lebih-lebih lagi apabila makanan yang segar dan sihat agak mahal dan sukar diperolehi berbanding makanan proses berkalori dan bertenaga tinggi yang lebih mudah didapati. ■

19 Ismail, Normaz W., Sudha Sivadas, *Urban Child Poverty: Does size matter?*, Universiti Putra Malaysia, November 2017, pp. 30
20 Institute of Public Health Malaysia, 'The National Health and Morbidity Survey 2015', Vol. II: Non-communicable diseases, risk factors & other health problems, Kuala Lumpur, 2015, p. 78.
21 Lobstein, Tim, et al., 'Child and Adolescent Obesity: Part of a bigger picture', *The Lancet*, vol. 385, no. 9986, 20 Jun 2015

Apakah yang menentukan penafian hak kanak-kanak?

Pekerjaan, pendapatan dan pendidikan ibu bapa adalah penting.

WHO menyenaraikan faktor berikut sebagai penentu utama kepada kekurangan zat makanan di kalangan kanak-kanak (Carta 7.3). Kajian lanjut tentang penafian hak kanak-kanak menggunakan rangka kerja WHO turut berkongsi penemuan yang sama²². Tiga faktor penentu yang terakhir terdapat juga dalam Kaji Selidik Kebangsaan mengenai Kesihatan dan Pembawa Penyakit oleh Institut Kesihatan Umum, Malaysia²³.

Carta 7.3: Penentu utama kekurangan zat makanan di kalangan kanak-kanak, mengikut WHO

Penentu	Kurang berat badan	Berat badan berlebihan	Kurus kering	Terbantut
Ibu berpendidikan rendah	+	+	+	+
Kemiskinan wang	+	+	+	+
Pemakanan tidak sihat sewaktu mengandung	+	+	+	+
Rendah peluang untuk mendapat makanan berkhasiat	+	+	+	+
Kekurangan air, kumbahan dan kebersihan	N/A	N/A	N/A	+
Ibu bapa kurang pengetahuan mengenai pemakanan	+	+	+	+
Ibu yang bercerai/berpisah/kematian suami	N/A	N/A		+
Tidak bekerja atau bekerja sebagai kakitangan awam	N/A	+	N/A	+

22 Cuesta, Jose., and Laura Maratou-Kolias, 'Child Undernourishment, WASH and Policy Synergies in Tunisia: Putting numbers into UNICEF's conceptual framework of nutrition', Innocenti Working Paper 2017-13, UNICEF Office of Research - Innocenti, Florence, October 2017, pp. 17, 19, 20; De Groot, Richard, et al., 'Cash Transfers and Child Nutrition: What we know and what we need to know', Innocenti Working Paper No. 2015-07, UNICEF Office of Research - Innocenti, Florence, August 2015, p. 20; United Nations Children's Fund, *The State of the World's Children 2016: A fair chance for every child*, UNICEF, New York, June 2016, pp. 5-84; United Nations Children's Fund, *Progress for Children Beyond Averages: Learning from the MDGs*, UNICEF, New York, June 2015, p. 26; World Health Organization and Calouste Gulbenkian Foundation, *Social Determinants of Mental Health*, Geneva, World Health Organization, 2014, pp. 19-20; UCL Institute of Health Equity, *Review of Social Determinants and the Health Divide in the WHO European Region: Final report*, Copenhagen, Regional Office for Europe, World Health Organization, pp. 8-34.

23 Institute of Public Health Malaysia, 'The National Health and Morbidity Survey 2016', pp. 154-159.

Anaknya mengambil keputusan untuk tidak ke sekolah.

**Tulisan Nur Zaslina
Binti Zailani,
pembanci**

Bagi kes keluarga kedua yang anaknya tidak mahu ke sekolah, latar belakang keluarga kanak-kanak tersebut agak berlainan. Emak kepada budak lelaki ini menyatakan bahawa anaknya seorang yang lambat membaca dan sukar memahami perkara yang dipelajarinya. Berikutan masalah itu, anaknya mulai hilang minat untuk belajar kerana sering ketinggalan dalam pelajaran, di samping berasa sukar untuk memahami apa yang dipelajarinya. Justeru, dia mengambil keputusan untuk tidak ke sekolah.





© UNICEF Malaysia/2017/Syahirah

Sanisah

Tulisan Syahirah (17 tahun), peserta Bengkel Fotografi Belia

Sanisah, kawan saya, seorang yang pemalu, baik, merendah diri, tetapi peramah. Saya selalu ke rumah dia untuk bermain dengan anak buahnya. Dia selalu juga ajak saya pergi jalan-jalan dengan keluarganya dan dia pun sering keluar bersama keluarga saya. Kami saling memahami. Kami suka membuat latihan bersama-sama. Kami pernah bergaduh disebabkan perkara remeh. Selain itu kami mempunyai hobi yang sama seperti menggemari sukan bola jaring dan boling serta membuat kek dan biskut. Dia selalu ada di sisi apabila saya ingin meluahkan perasaan, begitu juga saya sedia mendengar luahan perasaannya. Kami saling nasihat-menasihati. Sanisah ada satu perangai iaitu dia tidak pernah serius walaupun sedang marah, bila bercakap pun dia main-main. Dia suka gelak dan selalu melayan lawak bodoh saya.

Cadangan Dasar

Pengenalan
Kaji Selidik
Pendapatan, Bantuan dan Simpanan
Taraf Hidup
Pendidikan dan Pemakanan
Kemiskinan dan Penafian Hak
Kekurangan Zat Makanan
Cadangan Dasar
Laporan Program
Lampiran dan Rujukan

Program Sedia Ada

Malaysia sedang menangani masalah kemiskinan di kalangan kanak-kanak dalam pelbagai cara.

Carta 8.1: Program kerajaan masa kini dalam menangani masalah kemiskinan di kalangan kanak-kanak di Malaysia

Bidang	Agensi Berkaitan	Program	Bantuan
Pendidikan ²⁴	Kementerian Pendidikan, untuk pelajar daripada kumpulan isi rumah berpendapatan kurang daripada RM3,000	1. Bantuan kewangan sekali beri ²⁵ . 2. Bantuan yuran prasekolah swasta ²⁶ .	1. RM100 setahun untuk kanak-kanak berusia 7-17 tahun yang bersekolah. 2. RM150 sebulan untuk isi rumah berpendapatan per kapita bawah RM300 dan RM75 untuk isi rumah berpendapatan per kapita tidak melebihi RM500.
	Kementerian Pendidikan, untuk pelajar daripada kumpulan isi rumah berpendapatan kurang daripada RM3,000 ²⁷ Kementerian Kesihatan, untuk pendapatan isi rumah dalam kumpulan B40 ²⁸	1. Bantuan makanan untuk pelajar miskin. 2. Pemberian susu percuma. 3. Program pemulihan untuk kanak-kanak berusia 6 bulan hingga 6 tahun yang mengalami masalah kekurangan zat makanan.	1. Makanan percuma di sekolah (RM2.50 seorang untuk Semenanjung dan RM3 untuk Sabah dan Sarawak). 2. Dua kota susu coklat (200 ml) untuk dua kali seminggu.
Kesihatan ²⁹	Kementerian Kesihatan (bantuan sejagat)	1. Program Imunisasi Kebangsaan	1. Imunisasi percuma untuk kelompok penyakit yang boleh dicegah.
Kebajikan ³⁰	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, untuk kanak-kanak bawah 18 tahun	1. Elaun kanak-kanak	1. RM100 seorang sehingga maksimum RM450 sebulan untuk kumpulan isi rumah yang mempunyai lebih daripada empat orang anak.

24 Ministry of Education, '1Malaysia Public Pre-School Assistance', Putrajaya, < www.moe.gov.my/index.php/en/pemberitahuan/2017/2836-garis-panduan-bantuan-khas-awal-persekolahan-1malaysia-kepada-murid-di-sekolah-kerajaan-dan-sekolah-bantuan-kerajaan>, capaian 13 Januari 2018.

25 Ministry of Education, '1Malaysia Early Public School Assistance', Putrajaya, <www.moe.gov.my/images/pemberitahuan/2017/GARIS-PANDUAN-BKAP1M-2017---SK_-_SBK.pdf>, capaian 13 Januari 2018.

26 Ministry of Education, 'Summary Guidelines for Private Pre-School Tuition Fees Assistance', Putrajaya, n.d., pp. 1-6, < http://jpnperak.moe.gov.my/jpn/attachments/article/4971/Garis%20Panduan%20Permohonan%20Bantuan%20Yuran.pdf>, capaian 17 Januari 2018.

27 Ministry of Education, 'The Supplementary Food Programme', Putrajaya, < www.moe.gov.my/index.php/en/bantuan-pembelajaran/rancangan-makanan-tambahan-rmt>, capaian 13 Januari 2018.

28 Ministry of Health Malaysia, '1Malaysia Milk Programme (PS1M)', Putrajaya, <http://nutrition.moh.gov.my/program-susu-1malaysia-ps1m>, 13 January 2018; Ministry of Health Malaysia, *National Plan of Action for Nutrition of Malaysia III 2016-2025*, National Coordinating Committee on Food and Nutrition (NCCFN), Putrajaya, 2016, pp. 57, 93, 113.

29 Ministry of Health, 'National Immunization Programme', Putrajaya, < www.myhealth.gov.my/en/immunisation-schedule>, capaian 14 Januari 2018.

30 Department of Social Welfare, 'Child Allowances', Putrajaya, < www.jkm.gov.my/jkm/index.php?portal/left&id=QW15ZEo2UnZIMnJXSHdEQtdXZGE3dz09>, capaian 15 Januari 2018.

Cadangan Dasar

Jaminan Perlindungan Sosial

Sepertimana yang dinyatakan sebelum ini, Malaysia telah pun melaksanakan dasar pendidikan sekolah rendah untuk semua, pemeriksaan kesihatan untuk semua dan program khusus untuk kanak-kanak miskin dan isi rumah miskin. Namun cabarannya sentiasa ada terutama bagi kanak-kanak daripada isi rumah berpendapatan rendah dan kumpulan yang dipinggirkan.

Data jelas menunjukkan bagaimana kemiskinan dan ketidaksamarataan yang bersilang menyebabkan kanak-kanak mudah terdedah kepada pergerakan sosial dan pengecualian sosial. Oleh itu, langkah terbaik ke hadapan dalam menentukan setiap kanak-kanak di Malaysia mempunyai permulaan sama rata adalah dengan menyediakan jaminan perlindungan sosial untuk semua. Ini adalah tindakan awam yang memberi tumpuan bukan sahaja kepada kemiskinan pendapatan dan keadaan ekonomi yang buruk tetapi juga kelemahan sosial, dengan mengambil kira hubungan antara pengecualian dan kemiskinan.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kelemahan sosial muncul sebagai tumpuan baru yang utama dalam usaha mengurangkan kemiskinan di seluruh dunia. Menerusi sokongan pendapatan dan program yang direka untuk menambah peluang mendapatkan perkhidmatan asas (seperti kesihatan, pendidikan dan pemakanan), perlindungan sosial dapat membantu menzahirkan hak asasi manusia ke atas kanak-kanak dan keluarga. Strategi jaminan sosial juga adalah unsur penting dalam keberkesanan dasar yang bertindak kepada keadaan ekonomi yang buruk, menangani bukan sahaja kelemahan yang disebabkan oleh keadaan semasa tetapi juga lebih bersedia sedia ke arah masa depan yang tidak menentu.

Sistem perlindungan sosial yang prihatin terhadap kanak-kanak mampu mengurangkan kesan kemiskinan kepada keluarga, mengukuhkan peranan keluarga dalam menjaga anak-anak dan meningkatkan peluang golongan termiskin dan terpinggir kepada perkhidmatan asas. Memandangkan ramai kanak-kanak berisiko juga tinggal di luar penjagaan keluarga maka sistem perlindungan sosial mesti bertanggungjawab ke atas kumpulan yang lemah ini, begitu juga terhadap kanak-kanak yang menghadapi penderaan dan diskriminasi di rumah.

Dalam sistem perlindungan sosial yang menyeluruh, dasar yang prihatin terhadap kanak-kanak haruslah memberi tumpuan kepada isu yang dibentangkan dalam Rajah 8.2.

Rajah 8.2 Cadangan dasar untuk mengatasi masalah kemiskinan dan penafian hak di kalangan kanak-kanak



Elau penjagaan sejagat kanak-kanak

Tempoh paling penting yang menentukan seorang kanak-kanak itu terus hidup dan membesar dengan baik adalah waktu sebelum dilahirkan sehingga berusia 5 tahun, lebih-lebih lagi ketika janin dan dua tahun pertama selepas dilahirkan. Tidak syak lagi kemiskinan ada kaitan dengan umur, misalnya zaman kanak-kanak. Jadi dengan menyasarkan usaha kepada kumpulan ini akan dapat menambah pendapatan isi rumah dan seterusnya membantu mengurangkan masalah kemiskinan.

Pelaksanaan langkah pencegahan yang menjaga kebajikan kanak-kanak pada tahun-tahun awal tumbesaran mereka adalah sangat penting bagi mengelak mereka daripada terus menjadi golongan yang tercicir dalam akademik dan ekonomi kemudian kelak.

Rajah 8.2 Cadangan dasar untuk mengatasi masalah kemiskinan dan penafian hak di kalangan kanak-kanak (sambungan)

 <p>Pemakanan dan cuti bersalin</p>	<p>Memastikan susuan ibu diberi sekurang-kurangnya selama 6 bulan. Seribu hari yang pertama dalam kehidupan kanak-kanak adalah penting untuk memastikan mereka mendapat pemakanan yang baik demi kelangsungan hidup, pertumbuhan dan kemajuan.</p>
 <p>Cukai ke atas minuman bergula</p>	<p>Keseluruhan perbelanjaan obes di Malaysia adalah 10-20% daripada jumlah perbelanjaan kesihatan dan 0.4-0.8% daripada jumlah nominal KDNK (RM 4.9-9.8 bilion) iaitu paling tinggi di kalangan negara-negara ASEAN.</p> <p>WHO mencadangkan pengambilan gula dikurangkan kepada bawah 10% daripada keseluruhan pengambilan tenaga harian. Kajian menunjukkan bahawa dengan mencukaikan minuman bergula mungkin boleh membawa kepada pengurangan pengambilan produk minuman bergula.</p>
 <p>Ruang sosial yang selamat untuk kanak-kanak yang bersekolah (5-17 tahun)</p>	<p>Ia berfungsi sebagai tempat sokongan untuk mereka yang menghadapi masalah pembelajaran di rumah atau sekolah.</p>
 <p>Menyemak semula angka tunjuk kemiskinan</p>	<p>Berasaskan pendapatan: Mengukuhkan pendapatan garis kemiskinan dengan ukuran kemiskinan mutlak (50% pendapatan median kebangsaan) yang diselaraskan mengikut saiz isi rumah.</p> <p>Angka tunjuk pelbagai dimensi: Angka tunjuk untuk dimensi kesihatan dan pendapatan mestilah memasukkan “bilangan kanak-kanak yang mengalami kekurangan zat makanan di dalam sebuah isi rumah” dan “kemiskinan pendapatan mutlak”.</p>

32 Economist Intelligence Unit, *Tackling Obesity in ASEAN: Prevalence, impact, and guidance on interventions*, London, 1 Jun 2017, pp. 5-28.
 33 World Health Organization, *Taxes on Sugary Drinks: Why do it?*, n.p., Department of Prevention of Noncommunicable Diseases, World Health Organization, 2016, p. 1-4.
 34 Economic Planning Unit, 'Eleventh Malaysia Plan 2016-2020: Anchoring growth on people', Putrajaya, 21 Mei 2015, pp. 85-86, < <http://epu.gov.my/sites/default/files/Buku%20RMKe-11.pdf>>, capaian 15 Jun 2017.

Laporan Program

Pengenalan
Kaji Selidik
Pendapatan, Bantuan dan Simpanan
Taraf Hidup
Pendidikan dan Pemakanan
Kemiskinan dan Penafian Hak
Kekurangan Zat Makanan
Cadangan Dasar
Laporan Program
Lampiran dan Rujukan

Laporan Program

Kaji Selidik Kemiskinan dan Penafian Hak Kanak-kanak Bandar UNICEF mengambil pendekatan serampang lima mata. Dan kaji selidik selama enam bulan yang melibatkan 966 isi rumah ini adalah salah satu daripada lima program yang dijalankan.

Empat program lagi membabitkan kanak-kanak sekolah, penuntut universiti serta golongan profesional dan wartawan muda.



© Sumbangan Ryan Moon.

Pelajar yang menyertai Bengkel Fotografi Belia adalah daripada PPR Desa Mentari, Desa Rejang, Seri Semarak, Sri Rampai dan Sri Pantai. Gambar dirakam menggunakan kamera telefon bimbit yang dibekalkan kepada mereka sewaktu mengikuti bengkel.

Bengkel Fotografi Belia

Sekumpulan 15 pelajar berusia 15-17 tahun dari lima buah rumah pangsa telah mengikuti Bengkel Fotografi Belia anjuran OBSCURA Festival of Photography dengan kerjasama DM Analytics dan UNICEF. Bengkel yang diadakan di Mereka Makerspace pada Disember 2017 itu dikendalikan oleh Vignesh Balasingam, Mark Joshua Moriss dan Ryan Moon dari OBSCURA.

Matlamat utama bengkel ini adalah untuk memberi gambaran tentang kemiskinan dari pelbagai sudut menerusi rakaman imej oleh kanak-kanak di kawasan miskin bandar yang dipilih. Kanak-kanak dari kumpulan terpinggir di kawasan miskin bandar itu dilatih tentang kemahiran fotografi dan mendokumentasikan kehidupan kanak-kanak dalam masyarakat miskin berkepadatan tinggi di bandar. Ia dilakukan mengikut pandangan kanak-kanak dari kumpulan masyarakat itu sendiri.

Bengkel ini diharap dapat membantu belia dari latar belakang yang kurang sempurna untuk melahirkan nilai dalam hidup masing-masing dan masyarakat setempat menerusi pemerksaan, ilmu dan kemahiran. Ia juga diharap membantu mereka melihat dari perspektif yang berbeza tentang siapa mereka, dari mana mereka datang dan semangat mereka untuk merubah kehidupan menerusi berdikari, teknologi dan pergaulan.

Semua gambar di dalam buku laporan ini, kecuali yang dinyatakan selainnya, adalah hasil rakaman peserta Bengkel Fotografi Belia.



Policython



Policython adalah program “cabaran dasar” yang berlangsung selama dua hari di Menara Axiata, Kuala Lumpur pada 24-25 November 2017. Ia dihadiri oleh penuntut universiti dan siswazah baru daripada Program Bakat Muda Axiata dan pemegang biasiswa Yayasan Khazanah Watan.

Matlamat utama program ini adalah untuk mencari penyelesaian praktikal ke atas masalah umum yang sedia ada berkaitan kanak-kanak miskin di bandar. Oleh itu, peserta dikehendaki membentangkan idea inovatif yang praktikal dalam menyelesaikan masalah berkenaan. Cadangan mereka diadili oleh panel juri yang dilantik untuk memberi nilai tambah kepada peserta, di samping menjadi satu bentuk perakuan untuk menarik sokongan pembuat dasar terhadap isu berkaitan kemiskinan kanak-kanak bandar dan langkah-langkah yang dicadangkan.

UNICEF Malaysia menawarkan pembiayaan awal kepada pasukan yang menang untuk melaksanakan cadangan dasar mereka. Mereka dikehendaki bekerjasama dengan ahli daripada kumpulan lain dan menyediakan pelan kerja. Mereka juga mesti memasukkan cadangan daripada kumpulan lain di dalam projek printis mereka.

Ahi panel juri dianggotai oleh:

1. Dr Amjad Rabi, Timbalan Perwakilan UNICEF Malaysia.
2. Encik Chua Choon Hwa, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
3. Tan Sri Prof Dr Kamal Salih, Profesor Adjung Universiti Malaya,
4. Dr Muhammad Abdul Khalid, Pengarah Urusan DM Analytics Malaysia.

Dua kumpulan yang berjaya memenangi cabaran Policython ditunjukkan dalam carta 9.1.



© Su Zouhair Rosli

Program Policython diadakan di Menara Axiata. Gambar di atas menunjukkan salah satu kumpulan pemenang, Kumpulan 3 sedang membentangkan idea mereka mengenai ruang selamat untuk kanak-kanak, dan perbincangan kumpulan.

Rajah 9.1: Senarai cadangan daripada kumpulan yang mengambil bahagian dalam cabaran Policython

Kumpulan	Matlamat (untuk ditangani)	Cadangan	Pihak berkepentingan
Kumpulan 1 "Peningkatan Malaysia"	<ul style="list-style-type: none"> Gaji rendah Jurang kemahiran Kemajuan kemahiran 	<ul style="list-style-type: none"> Memberi subsidi untuk peluang kemahiran dan kemajuan kemahiran Memberi bantuan baucar makanan dan kesihatan sebagai insentif 	<ul style="list-style-type: none"> Pembekal pelatih Kerajaan Persekutuan Syarikat
Kumpulan 2 "Program Pelajar Angkat"	<ul style="list-style-type: none"> Ruang belajar Penyertaan di dalam kelas tuisyen Kemasukan ke sekolah berasrama 	<ul style="list-style-type: none"> Mengenal pasti dan memeriksa pelajar bergred sederhana untuk diterima memasuki sekolah berasrama Memudahkan skim pelajar angkat sementara untuk menambah waktu bimbingan belajar dan mutu ruang belajar 	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kewangan Kementerian Pendidikan Sekolah-sekolah
Kumpulan 3 "Gim Asuhan Akal"	<ul style="list-style-type: none"> Ruang belajar Kekurangan semangat untuk pendidikan (berkaitan kekurangan ruang belajar yang kondusif) 	<ul style="list-style-type: none"> Menukar ruang awam di PPR menjadi ruang belajar Pertubuhan untuk pendidikan berasaskan insentif 	<ul style="list-style-type: none"> Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Badan-badan bukan kerajaan
Kumpulan 4 "Dasar Perkongsian Makanan"	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah sisa makanan yang banyak oleh peruncit besar Harga makanan yang tinggi Perbelanjaan kesihatan dan pendidikan yang membebankan 	<ul style="list-style-type: none"> Menyelaras program pengagihan makanan untuk isi rumah berpendapatan rendah Melarang pembuangan makanan yang tidak dijual dan membenarkan sumbangan makanan itu 	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Bank makanan Usahawan sosial Peruncit dan industri makanan & minuman
Kumpulan 5 "Peningkatan Purata Pendapatan"	<ul style="list-style-type: none"> Gaji rendah Kekurangan sumber pendidikan 	<ul style="list-style-type: none"> Menukar pusat penjagaan kanak-kanak sedia ada menjadi pusat pendidikan kanak-kanak Memberi insentif cukai kepada pihak yang mengambil pekerja B40 	<ul style="list-style-type: none"> Isi rumah Syarikat Perkhidmatan penjagaan kanak-kanak Kerajaan Persekutuan
Kumpulan 6 "Pusat Kreatif Kanak-kanak"	<ul style="list-style-type: none"> Kanak-kanak yang terbiar akibat kekangan ekonomi Ketiadaan buku kanak-kanak dan alat permainan 	<ul style="list-style-type: none"> Penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak yang lebih baik bagi menggantikan pusat sedia ada yang serba kekurangan Pembentukan tatacara piawai untuk penukaran infrastruktur sekarang 	<ul style="list-style-type: none"> Isi rumah Kerajaan Persekutuan
Kumpulan 7 "Projek Anak Sihat 1Malaysia"	<ul style="list-style-type: none"> Pendapatan rendah Kekurangan zat makanan akibat kenaikan harga makanan dan kurang kesedaran kearah pengambilan makanan sihat 	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan rangkaian pengeluaran dan pendedaran makanan untuk menyediakan hidangan sihat dan ekonomi 	<ul style="list-style-type: none"> Tidak diperolehi
Kumpulan 8 "Skim Memerangi Kemiskinan Kanak-kanak Kebangsaan"	<ul style="list-style-type: none"> Pendapatan dan simpanan rendah Harga makanan yang tinggi 	<ul style="list-style-type: none"> Memperkenalkan trak runcit untuk mengedar barang makanan yang menghampiri tarikh luput dan menjualnya pada harga murah Merumuskan semula program BR1M untuk memasukkan pemberian baucar 	<ul style="list-style-type: none"> Operator gedung runcit Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Kumpulan 9 "Pendidikan Berdasarkan Pengalaman dan Saksama"	<ul style="list-style-type: none"> Kekurangan minat dalam pendidikan dan pengaruh sosial negatif daripada rakan sebaya Penyertaan dalam bidang berkaitan STEM 	<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan silibus baru yang menggalakkan pembelajaran pengalaman Menyusun semula bilik darjah yang berbeza daripada penstrataan akademik sedia ada 	<ul style="list-style-type: none"> Ekosistem pendidikan Institusi akademi dan syarikat korporat
Kumpulan 10 "Pemakanan Seimbang"	<ul style="list-style-type: none"> Pemakanan tidak seimbang yang lazim 	<ul style="list-style-type: none"> Merombak peraturan sedia ada berkaitan makanan dan minuman untuk sekolah Menganjurkan kempen kesedaran 	<ul style="list-style-type: none"> Tidak diperolehi

Bengkel Kewartawanan



Penganjuran Program Penuntut Kewartawanan bertujuan memberi pendedahan tentang isu berkaitan perbandingan dan kemiskinan kanak-kanak kepada wartawan muda dan penuntut universiti di Malaysia. Matlamat utamanya adalah untuk menggalakkan mereka memperjuangkan isu dan masalah yang melibatkan kanak-kanak di kawasan bandar.

Bengkel sehari yang diadakan di Galeri Ilham, Menara Ilham, Kuala Lumpur pada 5 November 2017 itu disertai oleh 59 penuntut dari lima universiti tempatan sekitar Lembah Klang dan empat orang wartawan muda dari pertubuhan media.

Tokoh Kewartawanan Datuk A Kadir Jasin menyampaikan ucapatama sebelum Zainal Alam Kadir (Pengarang The Malaysian Reserve) serta Hareesh Deol dan Pearl Lee (kedua-duanya bekas wartawan The Malay Mail) mengambil alih agenda berikutnya.

Pada akhir program, peserta diberi peluang menyertai pertandingan menulis rencana di bawah tajuk "Bagaimana Kewartawanan Boleh Membantu Membasmi Kemiskinan Kanak-kanak Bandar". Rencana yang menang disiarkan di dalam akhbar tempatan dan laman web UNICEF.

Tiga rencana peserta akhir yang dipilih oleh ketiga-tiga pengarang itu kemudiannya diserahkan kepada Datuk A Kadir untuk memilih pemenang. Rencana bertajuk "Peranan Wartawan dalam Membasmi Kemiskinan" tulisan Dewi Seribayu Nordin Selat dinobatkan sebagai pemenang. Seri Bayu adalah penuntut tahun kedua Fakulti Pengajian Media dan Perhubungan Awam, UiTM Shah Alam. Rencana itu disiarkan di muka surat 41-42 di dalam buku laporan ini.



© Sumbangan Wan Abd Rahman

Bengkel Kewartawanan mendapat sambutan menggalakkan daripada peserta. Gambar di atas menunjukkan Dr Muhammad Abdul Khalid memberi penerangan berkaitan bengkel manakala Datuk A Kadir Jasin menyampaikan ucapatama pada bengkel yang diadakan di Galeri Ilham.

Anugerah Penyelidikan Pelajar

UNICEF, dengan kerjasama DM Analytics Malaysia, menaja Anugerah Penyelidikan Pelajar untuk penuntut universiti dengan memberi tumpuan kepada pemasalahan kanak-kanak miskin di bandar. Penyertaan untuk anugerah itu dibuka kepada semua warga Malaysia yang sedang mengikuti pengajian peringkat sarjana dan doktor falsafah di universiti tempatan mahupun luar negara.

Enam ringkasan penyelidikan diserahkan pada Oktober 2017 dan empat daripadanya diterima untuk membuat kertas penghujahan. Tajuk ringkasan penyelidikan ditunjukkan di dalam Rajah 9.2.

Rajah 9.2: Tajuk ringkasan yang menyertai Anugerah Penyelidikan Pelajar

Universiti	Tajuk
Institut Teknologi Georgia	Perbandingan Analisis Pelan Kebangsaan Malaysia mengenai Isu Kemiskinan Kanak-kanak Bandar
UPM	Kemiskinan Kanak-kanak Bandar: Adakah saiz itu Penting?
UKM	Pengalaman Kemiskinan Pada Zaman kanak-kanak: Di mana Silapnya?
USM	Pengalaman Kemiskinan Bandar dan Cadangan Dasar berasaskan Penyelesaian: Perspektif Pendekatan yang Mampu Dilakukan
UIA	Language Policy Implementation in Malaysia: An Investigation of Dual Language Program (DLP) in Selected Urban Schools
UPM	Kemudahan dan Pendidikan kepada Anak-anak Yatim: Konsep Pelaksanaan yang Lestari dari Perspektif Wakaf

Kertas penghujahan yang berjaya memenangi anugerah ini bertajuk “Kemiskinan Kanak-kanak Bandar: Adakah saiz itu Penting?” oleh Sudha Sivadas dan Normaz Wana Ismail dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia boleh didapati atas talian. Ringkasan kertas itu disiarkan di muka surat 55 di dalam buku laporan ini.

Lampiran dan Rujukan

Pengenalan
Kaji Selidik
Pendapatan, Bantuan dan Simpanan
Taraf Hidup
Pendidikan dan Pemakanan
Kemiskinan dan Penafian Hak
Kekurangan Zat Makanan
Cadangan Dasar
Laporan Program
Lampiran dan Rujukan

Lampiran A: Kaedah

Cara pengumpulan data: Kaji selidik ini mengumpul data menerusi kaedah temubual dengan ketua isi rumah mengikut soalan yang sebahagiannya sudah dirangka. Isi rumah yang dipilih mestilah mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak berusia bawah 18 tahun dan masih di bawah tanggungan ketua isi rumah. Kaji selidik itu dijalankan dari 20 Ogos 2017 sehingga 30 September 2017. Responden ditanya mengenai kedudukan semasa sosio-ekonomi mereka dan kesejahteraan anak-anak mereka. Soalan dirangka untuk merakam kemiskinan dan penafian hak dalam empat ukuran: 1) Pendapatan 2) Pendidikan 3) Kesihatan dan 4) Taraf Hidup

Pendekatan ini banyak digunakan dalam menganalisa kemiskinan kanak-kanak dan ketidaksamaan³⁵.

Skop dan liputan: Kaji selidik ini meliputi pilihan 16 rumah pangsa (PPR) di sekitar Kuala Lumpur dan satu di Selangor.

Bentuk sampel dan teknik: Kaedah "tinjau kawasan" diguna untuk menentukan kawasan yang hendak dijalankan kaji selidik yang membabitkan rumah pangsa di Kuala Lumpur dan Selangor. Jumlah kawasan yang terlibat dipilih secara rawak terkawal berdasarkan maklumat daripada pangkalan data kumpulan berpendapatan B40.

Saiz sampel: Bilangan yang dikaji selidik adalah 966 dengan kemungkinan kesilapan 3% dan tahap keyakinan 95%.

Pembundaran anggaran: Perkiraan untuk sesetengah kategori tidak semestinya sama antara carta kerana perbundaran dilakukan secara berasingan. Bagaimanapun perbezaannya tidak begitu ketara. Peratusan yang ditunjukkan di dalam carta dikira daripada angka mutlak yang sebenar dan tidak semestinya berjumlah genap 100% kerana kaedah perbundaran yang digunakan.

Ciri-ciri Utama Demografik Responden

Umur purata:

Ketua isi rumah = 45 tahun

Kanak-kanak = 10 tahun

Kumpulan Etnik:

Melayu = 68% Cina = 5% India = 27%

Definisi Kiraan Utama

Ketua keluarga atau isi rumah adalah mana-mana ahli keluarga sama ada lelaki atau perempuan yang dianggap sebagai ketua keluarga atau menjadi rujukan di kalangan ahli keluarga.

Kanak-kanak adalah individu berusia 0-17 tahun dan dibawah tanggungan ketua isi rumah.

Pendidikan dikategorikan sebagai tahap pendidikan formal tertinggi yang diperolehi dan sijil tertinggi yang diterima mengikut Pengkelasan Pekerjaan Piawaian Antarabangsa (ISCO-08)³⁶.

Kumpulan pekerjaan dikategorikan dalam 9 kumpulan utama mengikut Pengkelasan Pekerjaan Piawaian Malaysia (MASCO) 2008³⁷.

Pendapatan merangkumi makan gaji, bekerja sendiri, harta dan pelaburan serta bantuan semasa yang diterima. Pengkelasan pendapatan dibuat mengikut Buku Panduan Kumpulan Canberra mengenai Perangkaan Pendapatan Isi Rumah, Edisi Kedua (2011)³⁸.

Simpanan ditakrifkan sebagai simpanan isi rumah di dalam mana-mana institusi simpanan, termasuk akaun simpanan di dalam mana-mana bank, Lembaga Tabung Haji, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan unit saham amanah (ASN/ASB)..

35 Gordon, David, et al., *Child Poverty in the Developing World*, University of Bristol, Bristol, October 2003, pp. 7-8; de Neubourg, C., et al., 'Child Deprivation, Multidimensional Poverty and Monetary Poverty in Europe', Innocenti Working Paper 2012-02, UNICEF Innocenti Research Centre, Florence, Mac 2012, pp. 6-7; Hjelm, L., et al., 'Comparing Approaches to the Measurement of Multidimensional Child Poverty', Innocenti Working Paper 2016-29, UNICEF Office of Research, Florence, Disember 2016, pp. 12, 15.

36 International Labour Organization, *International Standard Classification of Occupation, ISCO-08 Vol. 1: Structure, group definitions and correspondence tables*, Geneva, 2012, p. 398.

37 Ministry of Human Resources Malaysia, *Malaysia Standard of Classification of Occupation 2008, 3rd ed.*, Putrajaya, Jun 2010, pp. 1-281.

38 United Nations, *Canberra Group Handbook on Household Income Statistics 2011, 2nd ed.*, United Nations Economic Commission for Europe, Geneva, 2011, pp. 194..

Rajah 10.1: Gambaran Perangkaan

Ciri-ciri Demografik Sosial		Tafsiran	Peratus
Kategori umur	<20	1	0%
	20-29	63	7%
	30-39	239	25%
	40-49	340	35%
	50-59	235	24%
	60 dan ke atas	88	9%
Jantina	Lelaki	792	82%
	Wanita	174	18%
Kaum	Melayu	655	65%
	Cina	50	5%
	India	261	27%
Taraf Perkahwinan	Berkahwin	795	82%
	Berpisah/Bercerai	65	7%
	Bujang	14	1%
	Ibu/Bapa Tunggal	92	10%
Saiz Isi Rumah	Kurang daripada 3	12	1%
	3 hingga 6	788	82%
	7 hingga 10	156	16%
	Lebih 10	10	1%
Kumpulan Pendapatan Isi Rumah	Bawah 40 KL (<RM7,640)	939	97%
	Bawah 40 Kebangsaan (<RM4,360)	795	82%
	Kemiskinan Relatif (<RM4,546)	823	85%
	Kemiskinan Relatif Kebangsaan (<RM2,614)	522	54%
	Lemah (RM970-RM2,425)	391	40%
	Dua kali ganda PLI (<RM1,940)	320	33%
	PLI (RM<970)	64	7%
Pendidikan (sijil tertinggi yang diperolehi)	Tiada perndidikan formal	52	5%
	Sekolah rendah	65	7%
	Sekolah menengah	752	78%
	Pengajian tinggi	97	10%
Status pekerjaan	Tidak bekerja (tidak termasuk suri rumah)	97	10%
	Bersara	21	7%
	Bekerja	848	88%
Kumpulan pekerjaan	Mahir	96	11%
	Separuh mahir	601	71%
	Kemahiran rendah	147	17%

Rujukan

- Cuesta, Jose., and Laura Maratou-Kolias, 'Child Undernourishment, WASH and Policy Synergies in Tunisia: Putting numbers into UNICEF's conceptual framework of nutrition', Innocenti Working Paper 2017-13, UNICEF Office of Research - Innocenti, Florence, Oktober 2017, m/s. 25.
- De Groot, Richard, et al., 'Cash Transfers and Child Nutrition: What we know and what we need to know', Innocenti Working Paper No. 2015-07, UNICEF Office of Research - Innocenti, Florence, Ogos 2015, m/s. 31.
- De Neubourg, C., et al., 'Child Deprivation, Multidimensional Poverty and Monetary Poverty in Europe', Innocenti Working Paper 2012-02, UNICEF Innocenti Research Centre, Florence, Mac 2012, m/s. 42.
- Department of Social Welfare, 'Child Allowances', Putrajaya, < www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=QW15ZEo2UnZIMnJXSHdEQTdXZGE3dz09>, capaian 15 Januari 2018.
- Department of Statistics Malaysia, 'Labour Force Survey Report 2016', Putrajaya, April 2017, m/s. 318.
- Department of Statistics Malaysia, 'Salaries & Wages Survey Report 2016', Putrajaya, Mei 2017, m/s. 71.
- Department of Statistics Malaysia, 'Household Income & Basic Amenities Survey Report 2016', Putrajaya, Oktober 2017, pp. 199.
- Economist Intelligence Unit, *Tackling Obesity in ASEAN: Prevalence, impact, and guidance on interventions*, London, 1 Jun 2017, m/s. 75.
- Economic Planning Unit, *Malaysia Sustainable Development Goals: Voluntary national review 2017*, Putrajaya, Julai 2017, m/s. 68.
- Economic Planning Unit, 'Published Time-Series Economic Statistics; National Account', 2017, <www.epu.gov.my/en/economic-statistics/national-accounts>, capaian 11 November 2017.
- Economic Planning Unit, 'Eleventh Malaysia Plan 2016-2020: Anchoring growth on people', Putrajaya, 21 May 2015, pp. 370, < <http://epu.gov.my/sites/default/files/Buku%20RMKe-11.pdf>>, capaian 15 Jun 2017.
- Economic Planning Unit, 'Strategy Paper 02: Elevating B40 households towards a middle-class society', Eleventh Malaysia Plan, Putrajaya, May 2015, pp. 25, < <http://epu.gov.my/sites/default/files/Strategy%20Paper%202002.pdf>>, capaian 15 Jun 2017.
- Gordon, David, et al., *Child Poverty in the Developing World*, University of Bristol, Bristol, Oktober 2003, m/s. 36
- Hagen-Zanker, Jessica, et al., *The Impact of Cash Transfers on Women and Girls: A summary of the evidence*, London, Overseas Development Institute, 2016, m/s. 7.
- Hjelm, L., et al., 'Comparing Approaches to the Measurement of Multidimensional Child Poverty', Innocenti Working Paper 2016-29, UNICEF Office of Research, Florence, Disember 2016, m/s. 28.
- Institute of Public Health Malaysia, 'The National Health and Morbidity Survey 2015', Vol. II: Non-communicable diseases, risk factors & other health problems, Kuala Lumpur, 2015, m/s. 291.
- International Labour Organization, *International Standard Classification of Occupation, ISCO-08 Vol. 1: Structure, group definitions and correspondence tables*, Geneva, 2012, m/s. 420.
- Ismail, Normaz W., Sudha Sivasdas, *Urban Child Poverty: Does size matter?*, Universiti Putra Malaysia, November 2017, m/s. 30.
- Institute of Public Health Malaysia, 'The National Health and Morbidity Survey 2016: Maternal and child health', Vol. II: Findings, Kuala Lumpur, 2016, m/s. 272.
- Lobstein, Tim., et al., 'Child and Adolescent Obesity: Part of a bigger picture', *The Lancet*, vol. 385, no. 9986, 20 Jun 2015, m/s. 2510-2520.
- Ministry of Education, 'The Supplementary Food Programme', Putrajaya, < www.moe.gov.my/index.php/en/bantuan-pembelajaran/rancangan-makanan-tambahan-rmt>, capaian 13 Januari 2018.
- Ministry of Education, 'Summary Guidelines for Private Pre-School Tuition Fees Assistance', Putrajaya, n.d., pp. 1-6, < <http://jpnperak.moe.gov.my/jpn/attachments/article/4971/Garis%20Panduan%20Permohonan%20Bantuan%20Yuran.pdf>>, capaian 17 Januari 2018.
- Ministry of Education, 'Guidelines for 1Malaysia Public Pre-School Assistance', Putrajaya, < www.moe.gov.my/index.php/en/pemberitahuan/2017/2836-garis>

panduan-bantuan-khas-awal-persekolahan-1malaysia-kepada-murid-di-sekolah-kerajaan-dan-sekolah-bantuan-kerajaan>, capaian 13 Januari 2018.

Ministry of Health Malaysia, '1Malaysia Milk Programme (PS1M)', Putrajaya, <<http://nutrition.moh.gov.my/program-susu-1malaysia-ps1m>>, capaian 13 Januari 2018.

Ministry of Health, 'National Immunization Programme', Putrajaya, < www.myhealth.gov.my/en/immunisation-schedule>, capaian 14 Januari 2018.

Ministry of Health Malaysia, *National Plan of Action for Nutrition of Malaysia III 2016-2025*, National Coordinating Committee on Food and Nutrition (NCCFN), Putrajaya, 2016, m/s. 165.

Ministry of Human Resources Malaysia, *Malaysia Standard of Classification of Occupation 2008*, 3rd ed., Putrajaya, Jun 2010, m/s. 281.

UCL Institute of Health Equity, *Review of Social Determinants and the Health Divide in the WHO European Region: Final report*, Copenhagen, Regional Office for Europe, World Health Organization, m/s. 188.

United Nations Children's Fund, *Public Finance and Social Budgeting, learning Module*, UNICEF, New York, 2011.

United Nations Children's Fund, *Progress for Children Beyond Averages: Learning from the MDGs*, UNICEF, New York, June 2015, m/s. 65.

United Nations Children's Fund, *The State of the World's Children 2016: A fair chance for every child*, UNICEF, New York, June 2016, m/s. 172.

United Nations Malaysia, *Malaysia Millennium Development Goals Report 2015*, Kuala Lumpur, Januari 2016, pp. 229

Watts, Jonathan, 'Brazil's Bolsa Familia Scheme Marks a Decade of Pioneering Poverty Relief', *The Guardian*, 17 Dec 2013, < www.theguardian.com/global-development/2013/dec/17/brazil-bolsa-familia-decade-anniversary-poverty-relief>, capaian 5 Januari 2018.

World Bank, 'Prevalence of Anemia among Pregnant Women (%)', < www.data.worldbank.org/indicator/SH.PRG.ANEM?locations=MY>, capaian on 19 Januari 2018.

World Health Organization, 'Interpreting Growth Indicators',

Training Course on Child Growth Assessment: WHO child growth standards, Geneva, 2008, m/s. 48.

World Health Organization and Calouste Gulbenkian Foundation, *Social Determinants of Mental Health*, Geneva, World Health Organization, 2014, m/s. 52.

World Health Organization, *Taxes on Sugary Drinks: Why do it?*, n.p., Department of Prevention of Noncommunicable Diseases, World Health Organization, 2016, m/s. 1-4.

World Health Organization, 'Joint Child Malnutrition Estimates 2017 (UNICEF-WHO-WB)', May 2017, <www.who.int/nutgrowthdb/jme_dataset2017_final.xlsx?ua=1>, capaian 14 November 2017.

World Health Organization, 'Global Health Observatory Data Repository: Prevalence of overweight, age-standardized', n.d., <http://apps.who.int/gho/athena/data/GHO/NCD_BMI_25A?filter=AGEGROUP:*;COUNTRY:*;SEX:*&xsideaxis=COUNTRY&xtopaxis=YEAR;GHO;AGEGROUP;SEX&profile=crosstable&format=csv>, capaian 15 Januari 2017.



© UNICEF Malaysia/2017/Erin



© UNICEF Malaysia/2017/Kimi



© UNICEF Malaysia/2017/Kimi



© UNICEF Malaysia/2017/Ika



© UNICEF Malaysia/2017/Puteri Nur Syuhada Abdul Rahman



© UNICEF Malaysia/2017/Raja Shah Ikmal Raja Remi



© UNICEF Malaysia/2017/Hanisah



© UNICEF Malaysia/2017/Badrul Amin

*"Kita hidup berjiran kenalah
ambil tahu pasal jiran kita.
Siapa lagi nak tolong kita kalau
ada masalah?"
- Penduduk PPR*